

قَتِيقَن تِيَتِه

PETIKAN TITAH

"PARA belia yang biasanya kaya dengan idea-idea baru pasti berani untuk menghadapi pelbagai cabaran. Merekalah yang diharapkan untuk memberikan nafas baru kepada segala usaha pembangunan dalam negara."
- Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-34, Tahun 2018.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"Maha suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya pada malam hari dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa (Baitul Muqaddis di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya supaya Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Israa', ayat 1).

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.45

SUBUH
4.55

SYURUK
6.13

DUHA
6.36

ZUHUR
12.21

ASAR
3.31

MAGHRIB
6.27

ISYAK
7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 46

16 APRIL 2018 / 1439 رجب 29

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Kembangkan sembahyang jemaah



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa, di negara ini bagi kemudahan umat Islam melakukan sembahyang jemaah, maka banyak masjid dibina dan akan terus dibina sesuai dengan keperluan.

"Kita juga menubuhkan Tabung Dana Masjid untuk memberi peluang kepada orang ramai bagi sama-sama menyumbang kepada pembangunan dan pemuliharaan masjid, sambil untuk lebih mengeratkan lagi hubungan antara jemaah dengan masjid," titah baginda pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Menurut baginda, pembinaan masjid dan pemuliharaanannya adalah sangat penting, supaya masjid sentiasa tersergam, selamat dan selesa untuk para jemaah beribadat dan memelihara akidah.

Amali atau praktikal sembahyang jemaah telah diajarkan di sekolah-sekolah ugama di negara ini.

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman. (Lihat muka 3, 12 dan 13).

Jadikan masjid 'mesra jemaah'

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 14 April. - Bersempena dengan Sambutan Israk dan Mikraj ini, adalah wajar bagi kita untuk meningkatkan azam supaya rajin ke masjid dan surau bagi merebut pahala sembahyang jemaah.

Andainya kita tidak mampu untuk melakukannya pada setiap waktu di masjid, maka sekurang-kurangnya kita perlu

beriltizam untuk sembahyang jemaah itu bersama-sama dengan keluarga di rumah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Titah baginda, dengan peningkatan sembahyang jemaah itu, Insyaa Allah, keluarga, sekolah dan anak-anak kita akan mendapat berkat, dan malah negara kita, Brunei Darussalam juga akan beroleh berkat yang sama.

Ke muka 3

IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn
infodept_bn



Muka 5

MUDAHNYA Sembahyang semarakkan Program Bandarku Ceria

Muka 6

BRUNEI-JEPUN meterai MoU dalam bidang penjagaan kesihatan

Tingkatkan kesedaran keselamatan jalan raya

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULLILAH, saya sangat berbesar hati untuk menghadiri perasmian Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Tahun 2018, yang dianjurkan oleh Megamas Training Company Sdn. Bhd. dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Megamas Training Company Sdn. Bhd. atas inisiatif ini dalam usaha kita bagi membarigakan kepentingan keselamatan jalan raya kepada orang ramai.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Megamas Training Company Sdn. Bhd. yang telah mencapai 28th year of Lost Time Injury Free (LTIF). Ini merupakan satu pencapaian yang dapat dibanggakan yang melambangkan komitmen syarikat di dalam mengutamakan keselamatan semasa bekerja.

Kementerian Perhubungan sangat berterima kasih kepada Megamas Training Company Sdn. Bhd. kerana penganjuran kempen ini adalah sangat tepat pada masanya. Kempen ini juga adalah selari dengan keutamaan dan tujuan Kementerian Perhubungan.

Seperti yang kita sudah sedia maklum, keselamatan jalan raya merupakan salah satu isu yang diberi perhatian mendalam oleh Kementerian Perhubungan. Statistik yang diperoleh daripada Pusat Penyelidikan Pengangkutan, Universiti Teknologi Brunei (Centre for Transport Research) telah menunjukkan bahawa dalam tahun 2017, jumlah kes kemalangan kes telah meningkat sebanyak 5 peratus kepada 3,552 kes, berbanding dengan 3,375 kes pada tahun 2016. Peningkatan yang konsisten ini dapat dilihat sejak tahun 2015.

Walau bagaimanapun, apa yang kita semua perlu ambil perhatian berat ialah peningkatan sebanyak 71 peratus dalam jumlah kehilangan nyawa akibat kemalangan jalan raya yang telah dicatat pada 2017 iaitu sebanyak 29 kehilangan nyawa, dibandingkan dengan 17 kehilangan nyawa pada tahun 2016.

Kajian lanjut juga telah menunjukkan bahawa separuh daripada jumlah yang telah kehilangan nyawa pada tahun 2017 adalah dari kalangan belia berumur di antara 19 - 38 tahun. Daripada 29 kehilangan nyawa tersebut, tujuh



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof semasa berucap pada Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya 2018 pada Isnin, 15 Rejab 1439 Hijrah / 2 April 2018 Masihi di Dewan Pencapaian, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Rimba Gadong.

daripadanya adalah pengguna jalan raya yang berisiko tinggi (*vulnerable road users*) seperti berbasikal, berjoging, pejalan kaki.

Semenjak tahun 2015, kemalangan yang melibatkan kecederaan juga semakin meningkat. Pada tahun 2017 sahaja, jumlah kecederaan telah meningkat hampir 20 peratus, iaitu 529 kecederaan daripada 473 kecederaan pada tahun 2016 sebelumnya.

Adalah diharapkan dengan statistik yang telah dikongsikan ini, ia akan dapat memberi gambaran dan meyakinkan masyarakat mengenai kepentingan isu keselamatan jalan raya. Oleh yang demikian, Kementerian Perhubungan telah mula membuat langkah-langkah strategik yang lebih holistik melalui pendekatan Whole of Nation, iaitu dengan lebih menumpukan kepada kolaborasi strategik bersama pihak swasta, sukarelawan dan juga pihak bukan kerajaan. Inisiatif yang kita adakan pada pagi ini merupakan satu contoh atau testimonial kepada apa yang saya maksudkan tadi sehubungan dengan kolaborasi strategik.

Izinkan saya mengongsikan di sini MKKJR telah dan akan mengorak langkah melalui pendekatan baharu yang lebih menfokuskan kepada *deterrent strategies*. Beberapa Kumpulan Tindakan telah dibentuk di bawah MKKJR bagi melaksanakan dasar dan strategi berdasarkan pendekatan yang berorientasikan tindakan (*action-oriented approach*). Antara kumpulan tindakan tersebut akan berperanan dalam memfokuskan kepentingan penggunaan media dan publisiti dalam membarigakan kesedaran dan memupuk kefahaman mengenai peraturan lalu lintas jalan raya.

Tidak kurang pentingnya juga ialah penekanan menanamkan budaya bertanggungjawab, bertimbang rasa dan saling faham memahami dalam penggunaan jalan raya secara umumnya.

Melalui pendekatan ini, saya menyeru dan berharap pelbagai pihak-pihak berkepentingan, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan pihak daripada sukarelawan akan tampil ke hadapan, berganding bahu dengan MKKJR untuk sama-sama meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan jalan raya. Saya penuh berharap dengan berbuat demikian, isu keselamatan jalan raya akan mendapat perhatian dan komitmen yang sewajarnya.

Menyentuh inisiatif yang telah diungkayahkan oleh Megamas pada pagi ini yang membawa tema 'Safe Drive, Save Lives' atau Pemanduan Selamat Menyelamatkan Nyawa adalah sangat dialu-alukan. Saya dimaklumkan bahawa antara aktiviti utama dalam kempen ini adalah ceramah motivasi oleh Mr. Peter Hodgson, iaitu salah seorang pakar perunding keselamatan jalanraya daripada United Kingdom. Saya berharap ilmu dan mesej yang akan dikongsikan oleh Mr. Hodgson dalam ceramahnyanya akan memberikan manfaat kepada semua.

Di samping itu, saya difahamkan bahawa pihak penganjur telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai untuk menyertai dalam kursus keselamatan jalan raya yang akan diadakan ini nanti.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengongsikan dua perkara penting yang saya kira adalah tepat pada masanya untuk diambil perhatian tegas dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan :

Ke muka 4

Dari Sidang Pengarang.

16 APRIL 2018 BERSAMAAN 1439 رجب 29

MAKMURKAN MASJID DENGAN KEGIATAN BERKEBAJIKAN

SEMBAHYANG berjemaah adalah sebagai asas pembentukan peribadi ummah. Justeru itu, tidak ada alasan bagi umat Islam memandang sepi dan remeh terhadap ibadah sembahyang berjemaah kerana ia merupakan asas bagi membentuk akhlak yang mulia, memperbaiki gejala sosial dalam masyarakat yang semakin berleluasa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439H / 2018M menekankan kepentingan umat Islam melakukan sembahyang jemaah dan pembinaan masjid dan pemuliharaannya untuk kemudahan umat Islam di negara ini melakukan sembahyang jemaah sesuai dengan keperluan.

Mengenai amali atau praktikal sembahyang jemaah yang diajarkan di sekolah-sekolah agama di negara ini, perkara tersebut dianggap perlu bukan hanya setakat untuk menjadikan para pelajar tahu bersembahyang berjemaah tetapi juga supaya mereka suka dan istiqamah melakukannya.

Sembahyang berjemaah yang diadakan di sekolah-sekolah Arab dan agama di negara ini titah baginda adalah perlu dikembangkan ke sekolah-sekolah di bawah kendalian Kementerian Pendidikan.

Mengenai tujuan masjid tegas, Kebawah DYMM adalah untuk dimakmurkan dan diramaikan oleh para jemaah. Oleh itu, umat Islam dituntut untuk menjadikan setiap masjid 'mesra jemaah' yang mana antara ciri-cirinya ialah menjadikan masjid dan persekitarannya sentiasa bersih dan menarik, di samping tidak diabaikan serta mengisinya dengan kegiatan-kegiatan yang berkebaikan seperti dengan ceramah-ceramah agama, membaca kitab secara berhalakah dan sebagainya. Semua itu cukup berkesan untuk meramaikan masjid. Tegas baginda lagi, ianya adalah antara tugas dan tanggungjawab Jabatan Masjid dengan dibantu oleh Jawatankuasa Takmir Masjid untuk melaksanakannya dengan sebaik-baiknya.

Baginda juga bertitah menekankan untuk membaiki dan mempertingkatkan mana-mana yang berkaitan dengan masjid seperti pegawai-pegawainya termasuklah penyediaan dan penyampaian khutbah-khutbah oleh para khatib pada hari Jumaat yang merupakan 'nadi' bagi agama, jika ianya lemah maka lemahlah nadi itu.

Bersempena Sambutan Israk dan Mikraj ini, adalah wajar bagi umat Islam untuk meningkatkan azam supaya rajin ke masjid dan surau bagi merebut pahala sembahyang jemaah. Andainya tidak mampu untuk melakukannya pada setiap waktu di masjid, sekurang-kurangnya kita perlu beritizam untuk sembahyang jemaah itu bersama-sama dengan keluarga di rumah. Dengan peningkatan sembahyang jemaah itu titah baginda, insyaaAllah keluarga, sekolah dan anak kita serta Negara Brunei Darussalam akan mendapat berkat.

Dalam menyemarakkan Sambutan Israk dan Mikraj pada tahun ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengungkayahkan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di seluruh masjid, surau dan balai ibadah seluruh negara. Usaha ini adalah untuk mempertingkatkan lagi keazaman untuk mempertahankan kehidupan beragama yang telah sekian lama diamalkan di negara ini dan meraih keamanan dan kesejahteraan negara serta kehidupan rakyat yang hidup rukun damai dan bersatu padu di bawah kepimpinan raja yang kita cintai.

Sesuai dengan tema Sambutan Israk dan Mikraj pada tahun ini "Sembahyang berjemaah meraih berkat" jelas mencerminkan bahawa solat berjemaah adalah sebagai asas pembentukan peribadi ummah juga merupakan asas bagi membentuk akhlak yang mulia untuk membangun generasi yang berakhlak mulia dan beramal soleh serta mencegah daripada perkara-perkara keji dan mungkar.

Semoga dengan berkat peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kita akan sentiasa diberi petunjuk oleh Allah serta dilimpahi rahmat, keberkatan, keselamatan, keamanan dan kemakmuran. Amin. - **Ketua Penyuntingan (Nh).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN 32 26 °C	31 26 °C	31 26 °C
PEKAN BANGAR 32 24 °C	30 25 °C	30 24 °C
PEKAN TUTONG 32 24 °C	31 25 °C	30 24 °C
KUALA BELAIT 31 24 °C	30 24 °C	30 24 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi APRIL	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16	ISNIN	29	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
17	SELASA	1 SYAABAN	4.44	4.54	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
18	RABU	2	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37
19	KHAMIS	3	4.43	4.53	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37
20	JUMAAT	4	4.43	4.53	6.12	6.35	12.20	3.32	6.27	7.37
21	SABTU	5	4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27	7.37
22	AHAD	6	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.27	7.37

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Kembangkan sembahyang jemaah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Dari muka 1

"Perkara ini dianggap perlu, bukan hanya setakat untuk menjadikan para pelajar tahu apa itu sembahyang jemaah, tetapi juga supaya mereka suka dan istiqamah melakukannya," titah baginda.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah bahawa di Sekolah-sekolah Arab dan Sekolah Ugama memang diadakan sembahyang berjemaah, sama ada di surau-surau atau di masjid yang berdekatan, dan perkara ini sangat bagus diteruskan, bukan hanya bagi pelajar, tetapi juga para ibu bapa dan penjaga yang ingin sembahyang berjemaah.

"Beta melihat cara ini cukup baik, kerana itu selain ia dilakukan di sekolah-sekolah Arab dan ugama, ia juga patut dikembangkan ke sekolah-sekolah di bawah kendalian Kementerian Pendidikan, dan untuk ini mereka boleh saja menggunakan surau atau mana-mana jua ruang yang bersesuaian," tegas baginda.

Terdahulu, Kebawah DYMM dalam titahnya menekankan agar kita wajib bersyukur di atas nikmat yang telah dan sedang kita kecapi di negara ini, antaranya ialah nikmat keamanan dan perpaduan, sehingga kerananya dapatlah kita memperingati peristiwa Israk dan Mikraj dengan penuh selesa.

Jelas baginda, antara peristiwa yang berlaku di sekitar Israk dan Mikraj ialah persinggahan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Al-Aqsa di Palestin, dengan Baginda itu menjadi imam dalam sembahyang jemaah bersama para nabi yang lain.

"Peristiwa ini tidak syak lagi, merujuk kepada betapa pentingnya sembahyang jemaah itu kepada kita umat Islam," tambah baginda bertitah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah sejourus berangkat tiba pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima sembah penerangan pada Pameran Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi.

Jadikan masjid 'mesra jemaah'

Dari muka 1

Terdahulu dalam titah baginda juga menekankan tujuan masjid ialah untuk dimakmurkan atau diramaikan oleh para jemaah, maka oleh itu, kita adalah dituntut untuk menjadikan setiap masjid 'mesra jemaah'.

"Di antara ciri-ciri mesra jemaah itu titah baginda ialah menjadikan masjid dan persekitarannya sentiasa bersih dan menarik, di samping tidak diabaikan juga ialah mengisinya dengan kegiatan-kegiatan yang berkebakikan, seperti dengan ceramah-ceramah ugama, dengan membaca kitab secara berhalaqah dan lain-lain dan ini semua adalah cukup berkesan untuk meramaikan masjid.

"Inilah di antara tugas dan tanggungjawab Jabatan Masjid, dengan dibantu oleh Jawatankuasa Takmir Masjid. Laksanakanlah tugas dan tanggungjawab ini dengan sebaik-baiknya, nescaya kita akan mendapati hasilnya yang baik dengan izin Allah," tegas baginda bertitah.

Baginda juga bertitah, baiki dan pertingkatkan mana-mana yang berkaitan dengan masjid, seperti pegawai-pegawainya dan termasuk juga penyediaan, khasnya penyampaian khutbah-khutbah oleh para khatib pada hari Jumaat.

Titah baginda, khutbah dan penyampaiannya adalah 'nadi' bagi ugama dan jika khutbah dan penyampaiannya lemah, maka lemahlah nadi itu.



BERANGKAT sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah serta kerabat diraja yang lain.

Sembahyang berjemaah corak kehidupan umat Islam



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar menyertai para jemaah tazkirah disampaikan oleh Guru Agama di Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Haji Awang Muhammad Naqib bin Haji Awang bertajuk Sembahyang Berjemaah Meraih Berkah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 April. - Sembahyang berjemaah hukumnya fardu kifayah dan satu syiar yang mempunyai banyak fadilat serta hikmahnya.

Antara fadilat tersebut ialah setiap langkah menuju masjid

untuk menunaikan sembahyang berjemaah merupakan penghapus dosa dan menaikkan darjat. Barang siapa menunggu di masjid untuk mendirikan sembahyang berjemaah maka perbuatan menunggu tersebut sudah dikira mendirikan sembahyang, didoakan

oleh para malaikat dengan pengampunan dan rahmat.

Perkara tersebut antara perincian yang dikongsikan oleh Guru Agama di Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Haji Awang Muhammad Naqib bin Haji Awang bertajuk

Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi

Sembahyang Berjemaah Meraih Berkah pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkah di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Haji Awang Muhammad Naqib menekankan di antara hikmah sembahyang secara berjemaah ialah wujudnya perpaduan dan kesatuan umat Islam dengan mendirikan sembahyang secara berjemaah.

Perkara ini terbukti di dalam sembahyang, umat Islam mempunyai satu qiblat, satu tujuan dan satu rasa iaitu rasa kehambaan berdiri di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala.

Jelasnya lagi, sembahyang berjemaah juga turut mengatur kita dalam kehidupan bermasyarakat iaitu imam sebagai ketua atau pemimpin dan role model serta makmum mempunyai kewajipan mentaati pemimpin.

Hadir bersama para jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon dan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusoff dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Awang Haji Mohd. Seruddin bin Haji Timbang.

Pantau bacaan peserta Khatam Al-Quran 72 Kali Khatam MRSB

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

Foto: Haji Ariffin bin Mohamad
Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 April. - Sesi pemantauan dan mentasmik bacaan 298 peserta Majlis Khatam Al-Quran 72 Kali Khatam yang terdiri daripada 173 lelaki dan 125 perempuan berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) hari ini.

Turut menyertai ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pada sesi pertama tersebut, seramai 72 pentasmik daripada kalangan guru ugama dan mereka yang diketahui sangat baik bacaannya menjalankan pemantauan dan tasmik berkenaan.

Sejurus sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, tazkirah telah disampaikan oleh Pengiran Haji



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (kiri) dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kanan) turut menyertai sesi pemantauan dan mentasmik bacaan peserta Majlis Khatam Al-Quran 72 Kali Khatam di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

Abdul Basit bin Pengiran Haji Zaini yang antara lain menyentuh mengenai sejarah peristiwa agung Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pengiran Haji Abdul Basit juga menyatakan bahawa Israk dan Mikraj itu merupakan malam untuk menghiburkan hati Rasulullah kerana tahun itu adalah tahun sedih bagi baginda kerana kehilangan isteri dan pakciknyanya yang banyak membantu dan

menyokong dakwah baginda.

Selain itu, beliau juga menjelaskan antara makna tema sambutan Israk Mikraj pada tahun ini iaitu Sembahyang Berjemaah Membawa Berkah yang antara lain membawa erti berkat maksudnya cukup, Kelebihan berkat, Keberkahan kesehatan, keluarga, umur.

Katanya, sembahyang berjemaah di masjid adalah kekuatan umat Islam dan ditakuti

oleh musuh Islam.

Beliau juga menekankan agar kita menjadi hamba yang memilih untuk mendapatkan pahala dan berkat kerana sembahyang berjemaah di masjid.

Projek kolaborasi Majlis Perundingan Kampung Sungai Akar dan Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah itu bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-72 Tahun 2018.

Majlis juga diselenggarakan dengan Doa Kesyukuran dan Penghargaan sempena menjayakan Ceramah Khas Penceramah Undangan, iaitu Abdul Somad yang berlangsung dengan jayanya dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan baru-baru ini.

HALUAN

Tingkatkan kesedaran keselamatan jalan raya

Dari muka 2

Pertama adalah mengenai pentingnya bagi Jabatan Pengangkutan Darat dan sekolah-sekolah memandu untuk meneliti semula keberkesanan Syllabus Latihan bagi Pembawa atau Penunggang Motorsikal. Mengambil kira beberapa

kemalangan jalan raya yang melibatkan motosikal yang berlaku baru-baru ini, saya rasa perkara ini perlu diutamakan, disamping usaha kempen kesedaran yang berterusan; dan

Kedua, saya juga ingin menekankan bagaimana pentingnya latihan-latihan Defensive Driving dalam membantu mengurangkan risiko

kemalangan di jalan raya. Dalam hal ini, saya mengalu-alukan Jabatan Pengangkutan Darat dan pihak-pihak yang berkepentingan yang lain untuk mengusahakan apa jua kaedah yang terbaik bagi menyerapkan latihan yang berunsur Defensive Driving kepada pemandu kenderaan mahupun penunggang

motosikal secara umumnya.

Sebagai kesimpulan, saya sangat berharap akan lebih banyak lagi kerjasama dan kolaborasi bagi mengukuhkan usaha dan strategi mempertingkatkan kesedaran keselamatan jalan raya. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih

kepada Megamas Training Company Sdn. Bhd. kerana menganjurkan acara ini. Penghargaan saya juga kepada semua peserta yang terlibat di atas sokongan dan penyertaan dalam menjayakan inisiatif ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmahtullahi Wabarakatuh.

Mudahnya Sembahyang semarakkan Program Bandarku Ceria

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Amirulizam
Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 April. - Program Bandarku Ceria disemarakkan dengan acara Mudahnya Sembahyang sempena Sambutan Israk dan Mikraj peringkat negara anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kehadiran Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin turut menyerikan program tersebut.

Acara dimulakan dengan aktiviti berjalan kaki di kawasan Taman Mahkota Jubli Emas dan seterusnya pelepasan peserta Explorasi Solat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut berkesempatan meninjau lebih dekat petak-petak pameran yang mengadakan berbagai-bagai aktiviti menarik seperti Klinik Taharah, Klinik Surah Al-Fatihah,



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa melawat dan menyaksikan aktiviti Klinik Sembahyang, Jabatan Pengajian Islam (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin semasa melawat pameran dan menyaksikan salah satu aktiviti daripada Skim Tilawah Al-Quran Remaja, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



Kuiz, Explorasi Solat, Pertandingan Tarik Kalat dan Bazar Jualan dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin juga turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang Explorasi Solat.

Di antara tujuan utama program

tersebut adalah bagi menyahut seruan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang sangat menitikberatkan tentang kewajipan sembahyang walau dalam apa jua keadaan dan masa dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan melaksanakan sembahyang dengan betul dari segi teori

dan praktikal termasuk bagi orang sakit dan kelainan upaya.

Program juga memberi peluang kepada orang ramai mengetahui cara berwudhu dan bertayammum dengan sempurna serta penggunaan debu yang betul dan pada masa yang sama, memberi kefahaman orang awam yang masih samar dengan Perintah Kanun Hukuman Jenayah

Syariah.

Di samping itu juga, pameran menentang Skim Tilawah Al-Quran Remaja, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang bergiat aktif untuk melahirkan pembaca-pembaca Al-Quran remaja berpotensi yang dihasratkan sebagai pelapis qari dan qariah negara peringkat negara dan antarabangsa.

Utamakan solat fardu berjemaah



PEMANGKU Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Besar ketika menyampaikan ceramah bertajuk 'Sembahyang Berjemaah Meraih Berkah' pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 April. - Adapun motif utama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dijemput ke langit melalui Israk dan Mikraj ialah untuk diberikan amanah besar dan penting bagi Baginda untuk disampaikan kepada umat manusia, iaitu ibadat solat lima waktu sehari semalam.

Tiada satu kewajipan syarak pun yang difardukan di langit kecuali fardu solat, saum, zakat haji, dari ibadat-ibadat sunat yang lain disyariatkan semasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berada di bumi.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Pemangku Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Besar ketika menyampaikan ceramah bertajuk 'Sembahyang Berjemaah Meraih Berkah' pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat

Negara Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

"Ini menggambarkan betapa utamanya ibadat solat dari ibadat lainnya kerana ia adalah tiang agama yang menentukan sama ada syurga atau neraka kehidupan kita di akhirat kelak, malah juga jatuh bangunnya sebagai sebuah umat," jelasnya.

Apabila solat difardukan katanya, masyarakat Islam dididik oleh junjungan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk melazimkan solat secara berjemaah, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendirilah yang menjadi imam dan masyarakat Islam sentiasa menjaga waktu untuk mendirikan solat segera di awal waktu dengan berimamkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurutnya, amat jarang orang

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Islam solat seorang diri kecuali atas sebab tertentu, malah solat berjemaah sentiasa dilaksanakan sama ada di masjid, dalam keluarga, perjalanan, musafir hatta dalam peperangan sekalipun, solat berjemaah tetap menjadi keutamaan.

Ini berasaskan Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya, "Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan rukuklah berserta orang-orang yang rukuk".

Junjungan kita Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terangnya, amat menekankan solat berjemaah, Baginda sering mencari dan bertanya jika ada sahabat yang tidak ikut solat berjemaah, dan selalu mengarahkan sahabat yang

terlambat datang ke masjid untuk solat berjemaah.

"Sesungguhnya pencapaian Wawasan Negara 2035, dan lebih dekat atau khusus lagi, iaitu perpaduan masyarakat, keberkesanan pendidikan, kemantapan ekonomi termasuk juga keselamatan negara yang berkait rapat dengan barakah solat berjemaah yang menghubungkan kita semua dengan Allah yang Maha Berkuasa serta ikatan kesatuan sesama manusia," ujarnya lagi.

Dengan solat berjemaah kita munajat dan memohon keberkatan kepada yang Maha Agung, dan dengan solat berjemaah kita berstu hati, minda dan tenaga menuju kebajikan bersama.

50 peserta Kursus Fardu Kifayah terima sijil

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PEMANGKU Timbalan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali (kiri) semasa menyampaikan sijil kepada peserta Kursus Fardu Kifayah.

KILANAS, Ahad, 15 April. - Seramai 50 peserta terdiri daripada 37 Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas dan 15 orang dari Muslimah dan beliawanis Masjid Kampung Kilanas menyertai Kursus Fardu Kifayah anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas yang berlangsung di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup kursus berkenaan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Masjid berkenaan.

Majlis penutup Kursus Fardu Kifayah berkenaan diteruskan dengan penyampaian sijil kepada peserta kursus yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Kursus yang diadakan selama empat hari itu telah disampaikan oleh guru lelaki dan dua orang guru wanita iaitu Haji Asmat bin Haji Tuah bagi peserta lelaki dan Dayang Norlila binti Mohammad dan Dayang Norhidah binti Haji

Alias untuk peserta wanita.

Isi kandungan kursus antara lain menyentuh mengenai cara-cara memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan mengkebumikan jenazah dengan tujuan untuk menjelaskan lagi perkara-perkara berkenaan dengan lebih teliti.

Pihak AJK Takmir Masjid berharap agar kesemua peserta yang berjaya menamatkan kursus tersebut akan dapat mempraktikkan ilmu yang diperoleh dan mengadaptasikan pembelajaran mereka untuk berani tampil membantu pegawai-pegawai masjid dalam pengurusan jenazah dan berkhidmat untuk keluarga dan masyarakat apabila diperlukan pada masa yang akan datang.

Brunei - Jepun meterai MoU dalam bidang penjagaan kesihatan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

TOKYO, JEPUN, Sabtu, 14 April. - Negara Brunei Darussalam telah memeterai Memorandum Kerjasama dalam bidang penjagaan kesihatan dalam satu majlis yang diadakan di Tokyo, Jepun.

Menandatangani Memorandum Kerjasama tersebut, sebagai wakil kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dan bagi pihak negara Jepun ialah Menteri Kesihatan, Buruh dan Kebajikan Jepun, Tuan Yang Terutama Katsunobu Kato.

Memorandum Kerjasama tersebut mengandungi persetujuan kerjasama dalam bidang-bidang kesihatan, antara lain merangkumi perkembangan sumber tenaga manusia dengan menyediakan latihan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan; pertukaran dan perkongsian maklumat dan

pengalaman mengenai dasar dan sistem penjagaan kesihatan; pengenalan rawatan-rawatan terkini dalam bidang perubatan, farmaseutikal dan peralatan perubatan, serta pertukaran maklumat mengenai peraturan pengawalannya; dan kerjasama dalam bidang-bidang kesihatan lain yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Puan Yang Terutama Dayang Kamilah binti Haji Mohd. Hanifah dan Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif.

MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar bertukar Memorandum Kerjasama berkenaan bersama Menteri Kesihatan, Buruh dan Kebajikan Jepun, Tuan Yang Terutama Katsunobu Kato sebagai wakil negara masing-masing.



Tokyo Declaration on Patient Safety disahkan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menandatangani Memorandum Kerjasama tersebut, sebagai wakil kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bagi pihak negara Jepun ialah Menteri Kesihatan, Buruh dan Kebajikan Jepun, Tuan Yang Terutama Katsunobu Kato.

TOKYO, JEPUN, Sabtu, 14 April. - Sidang Kemuncak Global Menteri-Menteri mengenai

Keselamatan Pesakit Kali Ke-3 di Tokyo mengesahkan Tokyo Declaration on Patient Safety, yang

antara lain dihasrat untuk meneguhkan lagi komitmen pada Tindakan Global mengenai Keselamatan Pesakit (Global Action on Patient Safety) dengan sentiasa mengutamakan keselamatan pesakit dalam dasar-dasar dan program-program sektor kesihatan, di samping meningkatkan usaha ke arah mencapai liputan penjagaan kesihatan yang menyeluruh (Universal Health Coverage).

Ia juga mengisytiharkan komitmen untuk mewujudkan budaya keselamatan dan ketelusan; mendidik dan melatih tenaga kerja dalam penjagaan keselamatan pesakit serta mengongsikan pengetahuan mengenai *best-practices* dan *successful models*.

Deklarasi tersebut juga menyokong bagi meraikan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia pada 17 September setiap tahun.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar bersama Pegawai-Pegawai Kanan dari Kementerian

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan

Kesihatan menghadiri sidang kemuncak tersebut.

Sidang kemuncak tersebut bertujuan untuk meningkatkan lagi komitmen sejagat terhadap penjagaan serta perlindungan keselamatan pesakit.

Seramai 17 Menteri Kesihatan dan wakil-wakil daripada 42 negara serta para pertubuhan lain termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta World Bank menghadiri sidang kemuncak tersebut.

Ketika sesi selama dua hari tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan serta rombongan menyertai sesi *expert summit*, yang mana pakar-pakar kesihatan bertukar pandangan dan mengongsikan pengalaman khususnya di dalam bidang keselamatan pesakit dari pelbagai perspektif, seperti Budaya Keselamatan Pesakit (Patient Safety Culture), Keselamatan

Pesakit dalam Kalangan Warga Emas (Patient Safety in Ageing Society), Keperluan Keselamatan Pesakit dalam Pencapaian Penjagaan Kesihatan Sejagat di Negara-negara yang Berpendapatan Rendah dan Sederhana (Patient Safety Needs for Achieving UHC in Low- and Middle-Income Countries), Teknologi Infokomunikasi di dalam Keselamatan Pesakit (Information and Communication (ICT) in Patient Safety) dan Keselamatan Pesakit dari Perspektif Ekonomi (Economics of Patient Safety).

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga mengongsikan Sistem Penjagaan Kesihatan Negara Brunei Darussalam dan Pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam memastikan keselamatan pesakit ketika sesi *roundtable* semasa Ministerial Summit tersebut.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar (berdiri, empat dari kiri) bergambar ramai bersama Menteri Kesihatan dan wakil-wakil daripada 42 negara serta para pertubuhan lain termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta World Bank pada Sidang Kemuncak Global Menteri-Menteri mengenai Keselamatan Pesakit Kali Ke-3 di Tokyo.

NGOs terus berusaha kurangkan kemiskinan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (tengah) semasa menyampaikan Anugerah 'GRANT' Scot kepada pemenang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 April. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan menentukan platform-platform bersesuaian untuk menangani bersama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) bagi mengatasi apa jua permasalahan yang dialami di negara ini, menerusi Whole of Government dan Whole of Nation Approach.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa ditemui oleh media pada Majlis Penutup dan Penganugerahan Grant Society for Community Outreach & Training (SCOT) bagi Bengkel Youth Against Poverty (YAP) bertempat di Tingkat 3, Bangunan Progresif Cellular Sdn. Bhd. (PCSB), di sini.

Menurut Yang Berhormat, komitmen daripada pihak-pihak NGOs khususnya para pemuda dan pemudi untuk mencari jalan bagi mengurangkan tahap kemiskinan di negara ini dapat dilihat melalui program-program dan bengkel-bengkel yang diadakan.

Ia tambahnya, menunjukkan satu, komitmen dan kedua,

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Azmah Haji Ahad

ia menunjukkan idea dalam sama-sama menangani dan tidak bergantung kepada pihak kerajaan sahaja, tetapi juga komitmen daripada pihak NGOs untuk bekerjasama dalam satu kolaborasi ataupun Smart Partnership.

Menyentuh mengenai Smart Partnership, Yang Berhormat berkata, ia bukan sahaja di bawah satu kementerian, namun dilihat kesesuaian kementerian-kementerian lain dan kerjasama dengan melibatkan negara secara satu.

Sebanyak tiga buah kumpulan membentangkan kertas kerja masing-masing, iaitu Kumpulan Women in Power, Kumpulan Deliver Hope dan Kumpulan The Mobile Dream Center.

Kumpulan The Mobile Dream Center terpilih sebagai penerima grant berjumlah BND1,000.

Bengkel kali kedua itu diusahakan oleh SCOT dengan kerjasama PCSB, bertujuan untuk mendorong para pemimpin belia untuk mengenal pasti dengan lebih luas tentang pembasmian kemiskinan secara kondusif menerusi sesi perbincangan

oleh pakar-pakar akademik, para usahawan dan pegawai kerajaan.

Bengkel turut diselitkan dengan sesi pembentukan idea yang berteraskan pada kreativiti dan inovasi bagi membuahkan projek-projek membasmi kemiskinan, berkonsepkan sustainable untuk diusahakan selepas tamatnya bengkel.

Seramai 25 belia terpilih untuk mengikuti Bengkel YAP dan lima kumpulan telah membentangkan idea-idea bagi membasmi kemiskinan untuk diusahakan.

Menerusi juri-juri khas yang dipilih, kumpulan yang meraih kedudukan teratas akan menerima grant sebanyak BND1,000 sebagai modal permulaan untuk memulakan projek mereka.

Bengkel tersebut diharap akan memberi kesan berfaedah kepada para belia seperti mempromosikan penglibatan sivik dengan mengadakan kerjasama yang selaras dalam membasmi kemiskinan dan masalah dalam kalangan para belia, pihak berkuasa dan persatuan bukan kerajaan lain.

Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Israk Mikraj

Berita dan Foto: Aimi Sani

PEKAN MUARA, Ahad, 15 April. - Takmir Masjid Setia Ali dengan usaha sama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong buat julung-julung kalinya mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bersempena Sambutan Israk Mikraj 1439 Hijrah di Masjid Setia Ali, Pekan Muara, di sini.

Seramai 32 peserta terdiri daripada 19 Muslimah Masjid Setia Ali dan MPK Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong serta 13 beliawanis Masjid Setia Ali menyertai Majlis Khatam Al-Quran berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Hasbi.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas oleh peserta khatam diikuti dengan bacaan takhtim yang diketuai

bersama oleh Dayang Hajah Lailawati binti Haji Ahmad dan Dayang Hajah Hashimah binti Haji Seruji.

Sementara itu, Doa Khatam pula dibacakan oleh Nurul Wasilah @ Ainul Basirah binti Haji Bakar.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian sijil khatam dan merenjis minyak wangi oleh tetamu kehormat majlis.

Pengerusi Majlis, Dayang Hajah Rosenah binti Haji Mohd. Yusof ketika ditemui berkata adapun antara tujuan utama majlis khatam ini diadakan bagi memupuk kecintaan dan minat terhadap pembacaan Al-Quran sebagai salah satu agenda untuk menghidupkan syiar Islam, menjadikannya sebagai amalan harian.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan kerjasama dan perpaduan di antara para Muslimah, beliawanis dan masyarakat kampung dalam sama-sama mengendalikan majlis keagamaan dan kemasyarakatan.



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Hasbi (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Israk Mikraj 1439 Hijrah.

Empat dikenakan kompaun guna telefon bimbit semasa memandu

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 April. - Sejak kesalahan kes-kes saman dipinda kepada Kesalahan Kompaun yang berkuatkuasa pada Februari 2017, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) telah berhasil mengeluarkan empat kompaun sebanyak BND200 setiap seorang dan setiap pemandu berkenaan telah dikenakan 12 mata demerit ke atas kesalahan di bawah Bab 29A Akta Lalulintas Jalan Raya Penggal 68 menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Tangkapan-tangkapan tersebut dibuat semasa penguatkuasa JPD mengadakan rondaan (*mobile enforcement*).

Tiga pemandu tersebut

terdiri daripada kalangan pemandu kenderaan persendirian dan seorang adalah pemandu kenderaan pengangkutan awam. Mereka adalah Ramandeep Singh (51-394975) dengan Kenderaan: KF 4616 (Syarikat ADBS), Abu Bakar Howlader (51-260128) dengan Kenderaan : KJ7716, Delonar Hossain (51-228269) dengan Kenderaan : BJ8511 dan Precious Jr Nocete Solano (51-190677) dengan kenderaan: BQ1845.

Sehubungan ini, JPD ingin menegaskan kepada orang ramai khususnya para pemandu agar sentiasa mematuhi akta dan peraturan lalu lintas jalan raya untuk sama-sama berusaha

memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan orang ramai khususnya para pengguna jalan raya adalah terjaga.

Kegagalan pemandu mengikut peraturan yang telah ditetapkan khusus bagi kesalahan menggunakan telefon bimbit semasa memandu akan dikenakan kompaun dan tindakan tegas, iaitu bagi kesalahan pertama : BND200 dan Kesalahan Kedua : BND400. Manakala bagi kesalahan ketiga, pemandu boleh dihadapkan ke mahkamah, dan jika sabit kesalahan, hukuman denda BND1,000 dan 6 bulan penjara, atau kedua-duanya dan jika sabit kesalahan berikutnya, denda BND2,000 dan penjara 12 bulan serta dikenakan 12 mata demerit.

Perniagaan kiriman wang perlu lesen sah

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) sebagai bank pusat Negara Brunei Darussalam mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan serta kepentingan pengguna kewangan di negara ini.

Dalam hubungan itu, AMBD memaklumkan kepada orang ramai bahawa menjalankan perniagaan kiriman wang memerlukan lesen kiriman wang

yang sah.

Menurut seksyen 6(2) daripada Akta Perniagaan Menukar dan Kiriman Wang, Penggal 174, menjalankan perniagaan kiriman wang tanpa lesen yang sah adalah satu kesalahan dan jika sabit kesalahan akan dikenakan denda tidak melebihi BND10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

AMBD ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan berurusan dengan perniagaan kiriman wang yang

berlesen serta melaporkan mana-mana perniagaan kiriman wang tanpa lesen ke Isu Pengguna Kewangan, AMBD melalui talian +673 2380007 atau melalui e-mel fci@ambd.gov.bn.

Senarai perniagaan kiriman wang dan institusi-institusi kewangan berlesen boleh didapati di laman sesawang AMBD atau melalui AMBD App.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai bolehlah memuat turun AMBD App melalui 'App Store' dan 'Google Playstore'; melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn> atau dengan mengikuti Instagram AMBD melalui @autoriti_monetari.

Perlu letak *sutrah* depan tempat solat



PEMANGKU Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar menyampaikan ceramah 'Kaifiat sebelum Mendirikan Solat' pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi dan Majlis Ilmu sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta serta Majlis Bertahlil dan Doa Arwah bertempat di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad Kampung Setia (MPWHMKS).

MUKIM SUNGAI KEBUN, Ahad, 15 April. - Kita perlu meletakkan *sutrah* depan tempat solat sebelum bersolat.

Perkara lain dalam solat, antaranya berdiri tegak bagi yang mampu dengan jarak kaki

sejangkal, kedudukan kaki dan badan, memasang niat dan *takbiratulihram*, mendakap tangan ketika berdiri, rukuk, bacaan ketika rukuk, cara memulakan sujud dan cara sujud, iaitu kaki dan hujung jari semasa

sujud, mengangkat jari telunjuk semasa sujud, kaedah cara membaca salam dan sebagainya. Pemangku Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar

mengingatkan perkara itu dalam ceramahnya Kaifiat sebelum Mendirikan Solat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi dan Majlis Ilmu sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta serta Majlis Bertahlil dan Doa Arwah bertempat di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad Kampung Setia (MPWHMKS), di sini.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi Allahyarham Mantan Ketua Kampung Setia dan Mukim Sungai Kebun, Pateh Dato Paduka Haji Masri bin Ismail, Allahyarham dan Allahyarhamah keluarga purih Kampung Rangau dan Kampung Setia yang kembali ke rahmatullah dari bulan September 2017 hingga Mac 2018 serta yang terdahulu kembali ke rahmatullah secara umumnya, dikepalai oleh

Pemangku Ketua Kampung Setia 'B', Awang Shahminan bin Haji Matzin. Manakala Doa Arwah dibacakan oleh SK90 Awang Haji Zul-hilmi bin Haji Lakat.

Kemudian diikuti dengan Penyampaian Wakaf Ilmu dan Lembaran Kenangan Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta kepada wakil MPWHMKS, Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil Kampung Setia dan Sekolah Ugama Begawan Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar Kampung Setia yang disampaikan oleh Ketua Kampung Setia 'A', Awang Haji Asli bin Haji Mamut.

Acara diunkayahkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Setia 'A', MPK Setia 'B' dan Takmir Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad Kampung Setia, Mukim Sungai Kebun dan Saudara Ku (SK) Kampung Setia.

Juga hadir ialah Ketua Kampung Sungai Kebun, Awang Haji Marali bin Haji Matzin serta penduduk sekitarnya.

BASMIDA anjur Majlis Israk dan Mikraj



YANG Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali (kiri sekali) bersama-sama para hadirin mendengarkan ceramah mengenai peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Md. Ali.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Sabtu, 14 April. - Peristiwa Israk dan Mikraj itu dapat menjadi panduan dan petunjuk jalan yang berat kepada manusia, dan dari peristiwa itu umat Islam mestilah menumpukan perhatian seratus peratus untuk memahami, menghayati, menganalisa intipati, menginterpretasikan ke dalam kamus kehidupan harian, untuk merealisasikan

semua tingkah laku, tutur dan perbuatan agar menjadi insan Islam yang sempurna, menjalankan semua perintah dan menjauhi semua larangan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ini dinyatakan oleh Yang Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali, pada Majlis Memperingati Peristiwa Israk

dan Mikraj yang berlangsung di Dewan Masrin, Ar-Raiyan, Kampung Jerudong, di sini.

Majlis yang dianjurkan oleh Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA) turut diserikan dengan ceramah mengenai peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Md. Ali.

Juga hadir, Naib Yang Dipertua BASMIDA, Dayang Hajah Linda binti Abdullah dan Ahli-ahli BASMIDA.

Beberapa paket rokok tidak diikrarkan ditemui

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Sabtu, 14 April. - Operasi Sepadu bersama Jabatan Kastam Eksais Diraja (JKED) dan Biro Kawalan Narkotik (BKN) di dua lokasi, iaitu kawasan Kampung Menengah dan Kampung Batu Bejarah menemui beberapa paket rokok yang tidak diikrarkan kepunyaan seorang pekerja warganegara Indonesia yang kesnya disiasat di bawah Seksyen 146 1 (d) Perintah Eksais 2006.

Sasaran Operasi tertumpu pada pemeriksaan secara mengejut terhadap pekerja-pekerja asing untuk memastikan mereka tidak memiliki sebarang barangan tegahan khasnya barang yang digunakan untuk melakukan kegiatan jenayah.

Serban berkenaan dianggotai seramai 25 ahli yang diketuai oleh Pegawai Siasatan Jenayah dan Lalu Lintas Daerah Polis Temburong, Penolong Penguasa Polis, Muhd Aimi Safwan bin Zalidin. Turut hadir Pemangku

Pegawai Kastam, Awang Haji Jamudin bin Abd. Kadir dan Pegawai Kanan Narkotik, Awang Muhd. Hardiyamin bin Haji Barudin, masing-masing dari JKED serta BKN.

Operasi sedemikian adalah usaha berterusan Daerah Polis Temburong dalam misi membanteras dan membendung jenayah lebih-lebih lagi pada cuti awam pada hujung minggu, di samping untuk menanamkan rasa selamat kepada para penduduk yang tinggal di kawasan Daerah Temburong.

Sehubungan itu, Pasukan Polis Diraja Brunei ingin menasihati dan menegaskan kepada orang ramai untuk sentiasa menjaga keselamatan harta benda masing-masing ketika meninggalkan rumah, pastikan pintu rumah dikunci dan jendela-jendela ditutup rapi serta nyalakan lampu di kawasan rumah. Usaha sedemikian boleh sahaja menghindari jenayah dari terus berlaku.

Lapan kesalahan kompaun dikeluarkan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Ahad, 15 April. - Operasi Sekatan Jalan Raya selama dua jam yang tertumpu di depan Depot Kontena Jabatan Pelabuhan Sungai Tujoh, Kuala Belait telah mengeluarkan lapan kesalahan kompaun kepada para pemandu yang melanggar Akta Kesalahan Lalu Lintas.

Balai Polis Kuala Belait, Daerah Polis Belait menjalankan Operasi Sekatan Jalanraya pada 14 April lalu. Ia diketuai oleh

Pegawai Menguasa Balai Polis Kuala Belait, Penolong Penguatkuasa Polis Haryatie binti Mohd. Antin bersama 12 anggotanya.

Operasi tersebut diadakan bertujuan memberikan kesedaran kepada orang ramai terutamanya pengguna jalan raya agar sentiasa mematuhi undang-undang lalu lintas bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang ke atas mereka.

Berusaha gigih jalankan perniagaan perbaiki taraf hidup

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 April. - Ramai usahawan yang bermula di luar sana dengan pengalaman berniaga yang bermula dari *zero*, tetapi akhirnya membuahkan keberhasilan dan kejayaan kepada mereka.

Banyak faktor yang menghalang seseorang itu untuk memulakan perniagaan hingga ke saat ini, antaranya kekurangan modal, tidak cukup persediaan ilmu, takut dengan risiko kegagalan atau takut mencuba perkara baharu.

Dalam temu bual Pelita Brunei baru-baru ini bersama Dayang Liya binti Noor, 30 berasal dari Kampung Kiarong berkata, minat untuk menjadi usahawan bermula pada ketika umur sembilan tahun.

Pada ketika itu jelasnya beliau hanya menjual lukisan

watak kartun 'The Simpson' kepada rakan-rakan dengan harga 20 sen dan membuat gelang tangan menggunakan kertas untuk dijual kepada saudara mara dengan harga 50 sen seutas.

Beliau yang merupakan seorang graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Psikologi seterusnya menjelaskan bahawa niat untuk meneruskan bidang keusahawanan itu tergendala kerana fokus dengan bidang pelajaran.

Pada tahun 2008, semasa balik cuti semester selama tiga bulan, Dayang Liya mula kembali berniaga dengan menjual barangan terpakai melalui lama sosial Facebook dan sekali lagi terpaksa berhenti setakat itu kerana harus pulang ke United Kingdom untuk meneruskan

pembelajarannya.

Menurut beliau, setelah pulang ke tanah air, beliau mendapat pekerjaan dan kemudiannya berkahwin dan mendapat cahaya mata.

"Keadaan menjadi semakin sukar untuk saya meluangkan masa bersama dengan suami dan anak apabila jadual waktu bekerja saya dan suami tidak sama. Suami sering keluar *outstation* selama empat ke lapan hari. Apabila, anak saya kedua lahir, saya memutuskan untuk berhenti bekerja kerana mahu meluangkan lebih banyak masa dengan keluarga," ujarnya.

Menurutnya, di sinilah timbul idea untuk kembali berniaga dengan perniagaan menjual kain chiffon, crepe dan jubah bermula pada November tahun lepas dan kain-kain tersebut dibeli sendiri di Dubai untuk diniagakan.

"Kita mestilah yakin dan percaya bahawa kita mampu untuk berjaya sebagai seorang usahawan. Bila kita benar-benar yakin dengan keputusan untuk menyara kehidupan menjadi seorang usahawan, ianya mesti disusuli dengan kepercayaan pada diri sendiri bahawa kita pasti akan berjaya insyaaAllah," jelas Dayang Liya dengan bersungguh-sungguh.

Perniagaan yang dijalankan ujarnya, masih di tahap permulaan dan masih belajar tentang selok belok perniagaan, serta belajar memahami pelanggan juga tren perniagaan di negara ini tetapi apa yang paling penting adalah untuk sentiasa memelihara niat dalam menjalankan perniagaan.



DAYANG Liya binti Noor, salah seorang anak tempatan yang menceburkan diri dalam perniagaan.

Tambahnya lagi, dengan azam dan sokongan padu daripada keluarga, dan usaha yang berterusan di dalam mencapai matlamat sebenar, iaitu membuat perniagaan yang lebih besar atau menghasilkan produk sendiri insyaaAllah, pasti akan tercapai.

Beliau turut memberikan

saranan kepada belia di luar sana untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memperbanyakkan hasil negara bukan bergantung sepenuhnya terhadap penghasilan minyak dan gas.

Perjumpaan PDB bersama Ketua Kampung

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



ANGGOTA Pasukan Polis Diraja Brunei ketika mengadakan perjumpaan bersama Ketua Kampung.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 April. - Program Pengawasan Kejiranan semakin ditingkatkan dengan aktiviti lawatan dan perjumpaan bersama Ketua-ketua Kampung dan Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan (PK).

Anggota Balai Polis Muara, Staf Sarjan 2870 Dahlan bersama dua anggota balai membuat kunjungan pendekatan ke rumah Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri 2, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Hidup.

Perbincangan tertumpu bagi mengatur perancangan-perancangan PK di sepanjang tahun ini.

Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan meneruskan aktiviti pendekatan dengan membuat perjumpaan ke Ketua Kampung Mata-Mata, Mukim Gadong, Awang Haji Metali bin Haji Kamis.

Hadir mengadakan pendekatan tersebut, Koperal 4604 Hasnan

bersama Lans Koperal Wanita 5147 Nor Lailawaty bersama enam Ahli PK Kampung Mata-Mata.

Taklimat dan perkongsian maklumat mengenai statistik jenayah dan lalu lintas dibarigakan dan perancangan PK sepanjang tahun ini turut dibincangkan.

Bagi Daerah Tutong, dua perjumpaan pendekatan diusahakan, di mana kunjungan pertama ialah ke Ketua Kampung Birau / Luagan Timbaran, Awang Haji Burhanuddin bin Haji Hashim dan kunjungan kedua ke rumah-rumah Ahli PK Bukit Beruang, Awang Haji Morni bin Jumat dan Awang Kalong Ibrahim bin Ismail.

Beberapa saranan dan perkongsian maklumat, di samping mengeratkan silaturahim sesama ahli PK disampaikan oleh Koperal Wanita 4899 Noraziah juga Lans Koperal 5781 Md. Amirul pada sesi kunjungan tersebut.

Operasi Sepadu bendung kesalahan lalu lintas

TUTONG, Sabtu, 14 April. - Daerah Polis Tutong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah mengadakan Operasi Sepadu Sekatan Jalan Raya yang telah dijalankan di tiga lokasi berasingan di kawasan Daerah Tutong.

Operasi sekatan dijalankan di tiga tempat berasingan yang melibatkan Daerah Polis Tutong, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas dan Jabatan Pengangkutan Darat. Seramai 60 anggota bertugas yang diketuai oleh Pegawai Siasatan dan Lalu Lintas Daerah Polis Tutong, Penolong Penguasa Polis, Dayangku Husmawati binti Pengiran Hussin bersama dua Pegawai Mengusaha Balai Polis Tutong dan Lamunin.

Kawasan sekatan pada pagi tersebut menyasarkan di kawasan Dewan Kemasyarakatan Tanjong Maya, kawasan Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang dan kawasan Balai Raya Kampung Batang Mitus / Kebia, Daerah Tutong.

Antara lain matlamat operasi dijalankan adalah bertujuan bagi pemeriksaan keselamatan dan juga memberi kesedaran kepada para pengguna jalan raya akan kepentingan undang-undang negara terutama sekali berkaitan dengan akta peraturan lalu lintas.



OPERASI Sepadu Sekatan Jalan Raya yang dijalankan di tiga lokasi berasingan di kawasan Daerah Tutong.

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

Hasil daripada Operasi Sepadu yang telah dijalankan, sebanyak 28 kes kesalahan kompaun dan tiga kes kesalahan doket telah dikeluarkan oleh Daerah Polis Tutong dan Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas. Manakala satu kes kesalahan lagi di bawah Akta Jabatan Pengangkutan Darat.

Semasa operasi tersebut, pihak polis telah menahan seorang lelaki penduduk tetap kerana terlibat

dengan kesalahan lalu lintas, termasuk menggunakan nombor pendaftaran palsu.

Pasukan Polis Diraja Brunei sekali lagi menasihati dan menegaskan kepada orang ramai bahawa pihak polis tidak akan teragak-agak dan akan mengambil tindakan tegas kepada semua pengguna jalan raya yang didapati melanggar dan tidak mematuhi peraturan di negara ini.

PPNBD semarakkan Sambutan Israk Mikraj

**Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu 14 April. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Israk dan Mikraj, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah mengadakan ceramah khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj di Balai Ibadat PPNBD.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Dipertua PPNBD, Awang Haji Metussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba.

Ceramah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Haji Mohammad Shahrol Azmi bin

Haji Abd. Muluk.

Antara inti pati ceramah yang disampaikan oleh Haji Mohammad Shahrol Azmi ialah perintah wajib menunaikan solat lima waktu dengan menekankan betapa pentingnya ibadah solat dalam kehidupan seseorang yang beragama Islam.

Turut hadir ialah Ketua Pesuruhjaya, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali; Pesuruhjaya Antarabangsa, Awang Abdul Manan bin Haji Abdul Latip; Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap, penolong-penolong pesuruhjaya, pemimpin-pemimpin pengakap dan ahli-ahli pengakap.



YANG Dipertua PPNBD, Awang Haji Metussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba semasa mendengar Ceramah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abd. Muluk sempena Sambutan Israk dan Mikraj.

14 anak yatim terima sumbangan

JUNJONGAN, Sabtu, 14 April. - Seramai 14 anak yatim terdiri daripada lima lelaki dan sembilan perempuan dari Kampung Junjongan menerima sumbangan derma bertempat di Dewan Sekolah Rendah (SR) Junjongan, di sini.

Sumbangan berupa wang tunai sebanyak BND120 seorang itu disampaikan oleh Guru Besar SR Junjongan, Awang Haji Azhar bin Haji Hamzah.

Majlis turut diselenggarakan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah, dipimpin oleh Biro Pendidikan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Junjongan, Awang Haji Rosmadi bin Haji Hidup.

Terdahulu, Timbalan Pengerusi MPK, Awang Haji Tamin bin Yusof dalam ucapannya antara lain menyatakan majlis adalah untuk meraikan anak-anak yatim kampung tersebut.

Acara yang dianjurkan oleh MPK Kampung Junjongan tersebut merupakan aktiviti tahunannya, di samping bagi membantu golongan kurang



GURU Besar Sekolah Rendah Junjongan, Awang Haji Azhar bin Haji Hamzah semasa menyampaikan sumbangan kepada salah seorang anak yatim.

**Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

berkemampuan di kampung dengan Sambutan Israk dan Mikraj 1439 Hijrah pada tahun ini. Ia juga adalah bersempena

30 Muslimah Masjid dan MPK Mulaut sertai Khatam Al-Quran

**Berita dan Foto :
Ihsan Majlis Perundingan Kampung Mulaut**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 April. - Muslimah Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut juga tidak ketinggalan dalam menyemarakkan Sambutan Israk Mikraj dengan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di Masjid berkenaan.

Seramai 30 peserta khatam terdiri daripada Muslimah Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Majlis Perundingan Kampung Mulaut (PMAM).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pegawai Ugama Kanan, Ketua Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Junainah binti Haji Gunong.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas yang diketuai oleh Dayang Hajah Afsah binti Abdul Rahman.

Sementara bacaan Takhtim daripada para peserta khatam. Doa khatam pula dibacakan oleh Dayang Hajah Ajjiah binti Haji Mohd. Salleh dan terjemahannya dibacakan oleh Dayang Hajah

Asmah binti Haji Talip.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Pengerusi Majlis, Dayang Hajah Asmah binti Haji Talip yang antara lain menyentuh mengenai tujuan majlis tersebut adalah untuk meraih rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dalam mengagungkan Al-Quran selain daripada mengeratkan silaturahim dan mengendali aktiviti secara berpasukan.

Bacaan dikir marhaban menyerikan majlis yang kemudian diikuti dengan pembahagian bunga telur. Kemudian majlis diteruskan dengan Doa Peliharakan Sultan yang dibacakan oleh Dayang Hajah Jauyah binti Haji Basni dan doa selamat dibacakan oleh Dayang Hajah Zainah binti Haji Ismail.

Majlis disusuli dengan penyampaian sijil kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat diikuti dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat.

Majlis khatam Al-Quran tersebut merupakan Rancangan Tahunan muslimah masjid PMAM yang di bawah Jawatankuasa Takmir Masjid.



SERAMAI 30 peserta khatam terdiri daripada Muslimah Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Majlis Perundingan Kampung Mulaut menyemarakkan Sambutan Israk Mikraj dengan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di Masjid berkenaan.



MINDA

PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Bijak Menggunakan Air, Elak Pembaziran'. Tarikh Tutup : 18 April 2018
2. 'Kes Kemalangan Jalan Raya Membimbangkan'. Tarikh Tutup : 25 April 2018
3. 'Hargai Hubungan Dengan Keluarga'. Tarikh Tutup : 2 Mei 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:
pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Menangi
BND75

Setiap Minggu



سمبهيغ برجماعه مراعيه بركة

مسلمين يغ درحمتي الله،

ماريله كيت منيغككن كتقوان كيت كفتد الله سبحانه وتعالى دغن فنوه كيقين دان كياخلاصن دغن ملاكوكن سكل سوروهنن دان منيغكلكن سكل لاراغنن. مدهمدهنن كيت منيغككن انسان يغ برلمان دان برتقوى سرت سلامة دنيا دان سلامة دآخرة.

مسلمين يغ درحمتي الله،

بولن رجب اداله بولن يغ منيغككن سجاره يغ سنتياس دلپغاتي اوله أومة اسلام كران ددالم بولن اين برلاكون قرليستيا أكوغ اسراء دان معراج جنجوغن بسر نبي محمد صلى الله عليه وسلم. اوله ايت، اقبيل منجلغ ٢٧ رجب، قد كلالينن نكارا كيت اكن مغادان مجلس ٢ كاوكامان دغن توجوان باكي مغرلپغاتي قرليستيا أكوغ ترسوت .

دالم قرليستيا اسراء دان معراج، بكندا رسول الله صلى الله عليه وسلم تله اسراء كن (دفرجالنكن) دري مسجد الحرام دمكة كمسجد الأقصى دقلسطين دان كمدن دمراجكن (دنايكن) كلاغية منوجو سائرَة الْمُتَّهَى. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الاسراء آية ١٠:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

مُبَاحِنَ الَّذِي أَمَرْتُ بِحَبْلِهِ لَيْلًا مِنْ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ۝

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيم

تفسير:

مها سوجي الله يغ تله منيغككن هيمان نبي محمد صلى الله عليه وسلم دغن روح دان جسدن قد مالم هاري دري مسجدالحرام دمكة كمسجد الأقصى (بَيْتُ الْمُقَدَّسِ دقلسطين)، يغ كامي بركي سكيلينن سقاي كامي مغرلپتكن كفتدن سهايكن درقد تندا ٢ كيسان دان ككواسان كامي. مسغكوهن الله مها مندر لايكي مها مليهت.

ددالم قرليستيا ترسوت، بكندا رسول الله صلى الله عليه وسلم تله ميقسينن تندا ٢ كيسان دان ككواسان الله سبحانه وتعالى دان دفرلپتكن دغن برپايي-باكي كحادين دان قرليستيا آيه يغ منيغككن كادان قرلاكو مانسي سرت عمانن دان بالسن ٢ يغ باكل مريك ترما دآخيرة كلق. دكمونق قرليستيا اينله الله سبحانه وتعالى تله مغفروضكن سمبهيغ ليم وقت كفتد أومة اسلام. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الاسراء آية ٧٨:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَمِيرُ الصَّلَاةِ لِلدُّوْكَ الشَّمْسِيِّ إِلَى عَسَقِ اللَّيْلِ وَفَرَّانَ الْفَجْرِ

إِنْ قُرْءَانَ الْفَجْرِ كَانَتْ مَشْهُودًا ۝ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيم

تفسير:

ديرينكله سمبهيغ مولاي تركلينجر متهازي هيفك سفي كلف مالم، دان ديرينكله سمبهيغ صبح مسغكوهن سمبهيغ صبح ايت دقسسين اوله ملاكه.

مسلمين يغ درحمتي الله،

عباده سمبهيغ اداله تندا كطاعتن دان كشكورن كيت كفتد الله سبحانه وتعالى يغ تله مليقهكن برپايي-باكاي كتعمنن دان رحمة. مسغكوهن عبادة سمبهيغ اداله عبادة يغ أوتام دان يغ مولا ٢ سكالني اكن

دفرهتوغكن اوله الله سبحانه وتعالى قد هاري قيامة كلق. اوله ايت، حك مسغورغ ايت مسغورغا سمبهيغن نسجاي برهيكاليه دان برأوتوغله دي. سبالينن حك تيدق مسغورغا سمبهيغن مك اكن روكي دان مسيل له دي كلق. آفته لايكي باكي مريك يغ سفهاج منيغكلكن سمبهيغ حكومن اداله بردوسا بسر دان بالسن باكي اورغيغ منيغكلكن اتو تيدق منديريكن سمبهيغ ايت اياله نراك سقر. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة التوبة آية ٤٢-٤٣:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ۝ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ۝

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيم

تفسير:

مريك بركات: افكه يغ ميبكن كامو ماسوق كدالم نراك سقر. اورغ ٢ يغ بردوسا ايت بركات: كامي تيدق ترماسوق دالم كولوغن اورغ ٢ يغ منديريكن سمبهيغ.

مسغكوهن تنوتن منديريكن سمبهيغ ايت اداله واجب سلاكي عقل فيكيرنن سدر دان وارس، سكاليفون مسغورغ ايت دالم كادان ساكيت اتو كورغ أوقيا، تيدق اد الامن اتوقن منيغكلكن سمبهيغ. جوما جارا منديريكن سمبهيغن سهاج بريذا مغيكوت كاوقيان فساكيت ايت سنديري سام اد سجارا برديري، دودوق اتو برباريغ.

مسلمين يغ درحمتي الله،

ددالم القراءن دان حديث رسول الله صلى الله عليه وسلم بايق مپتاك تننغ كليلين سمبهيغ فرض ليم وقت، انتاران:

قرتام: سمبهيغ دافه مغهيندركن ديري مسغورغ درقد ملاكوكن كجاهنن دان كمنكرن سرت مغهاوسكن دوسا، سياكيان اير مغهيلغكن كوتورن،

كلوا: سسياف يغ منيغك سمبهيغ فرض ليم وقت دغن مسغورغا كسوجينن دان منيغك وقت ٢ سمبهيغ، مك باكين جهيا دان كحيان قد هاري قيامة كلق.

كيتك: سمبهيغ مروفانن كونجي شرك دان الله سبحانه وتعالى برجنجي اتوق ماسوقكن كشرك هيمان-هيمان يغ تيدق ملايكن اتو مريغن-ريغنن سمبهيغ فرض ليم وقت.

سياكي أومة اسلام، كيت هندقله منجننوي بكندا رسول الله صلى الله عليه وسلم دالم سموا أسفيك كهيدوقن، ترماسوقله دالم حال منديريكن سمبهيغ. نبي صلى الله عليه وسلم تيدق قرنه منيغكلكن سمبهيغ فرض ليم وقت سجارا برجماعه والو دالم كادان بكندا ساكيت. دالم سيره بكندا رسول الله صلى الله عليه وسلم، سحق بكندا برهجرة كمدينه، بكندا تيدق قرنه منيغكلكن سمبهيغ برجماعه سهيفكاله بكندا وفاة. ماله كيتك رسول الله صلى الله عليه وسلم دالم كادان ساكيت تنن يات قد فقهوجوغ حياة بكندا، بكندا دفاقه اوله فارا صحابة رضي الله عنهما اتوق منويكن سمبهيغ برجماعه دمسجد. حال اين سمبهيغن منيغككن كفتد كيت بتاف رسول الله صلى الله عليه وسلم ايغن متديقن أومتن اكر مغميل برت اكن عبادة سمبهيغ فرض سجارا برجماعه.

اد قون سمبهيغ برجماعه ايت كنجارن فهران ساغة بسر درقد سمبهيغ مسغورغ ديرني يات ٢٧ درجة دان مغنلويغي بايق حكمه سقرت دغن منديريكن سمبهيغ برجماعه دمسجد، كيت اكن دافه مغلپرتكن صلة الرحم دان مپانو قادوكن مشاركة تنفا مغيرا بفسا، درجة اتو كتورونن.

مسلمين يغ درحمتي الله،

مسغكوهن بايق كنجارن دان كيايكن يغ دكورنياكن اوله الله سبحانه وتعالى كفتد هيمان-هيمان يغ ملقسانن سمبهيغ فرض سجارا برجماعه دمسجد. انتاران:

قرتام: اورغ يغ ملفكه منوجو كمسجد اتوق منديريكن سمبهيغ برجماعه مك اكن ديرينن فها باكي سيب لغكه اتو قرحالنن، دهافوسكن سكل دوسا دان داغكت درجن .

كلوا: اورغ يغ منوغيكو دافه سمبهيغن باكي منديريكن سمبهيغ برجماعه دمسجد اداله دكرا سباكي منديريكن سمبهيغ. بهكن دالم تيمقوه ترسوت قارا ملاكة اكن مندعاكن مريك ايت سقاي منداقة كامقونن دان رحمة درقد الله سبحانه وتعالى .

كيتك: دغن منديريكن سمبهيغ برجماعه دمسجد، كيت برقلواغ مراعيه فها اعتكاف دغن شرط كيت هندقله ماسغ نية اعتكاف سقرت "سهاج اكو براعتكاف دمسجد اين كران الله تعالى" .

مليهت بتاف بايق دان بيسن كنجارن فها منديريكن سمبهيغ فرض ليم وقت سجارا برجماعه خصوصن دمسجد مك الفكه روكنن حك كيت تيدق مروت قلوغ اتوق مغرأولهي كنجارن ٢ ترسوت. اوله ايت، ماريله كيت معموركن مسجد ٢ دغن منديريكن سمبهيغ برجماعه باكي مراعيه بركة درقد الله سبحانه وتعالى. مدهمدهنن كيت سموا اكن منداقة كنجارن يغ دجنجيكن اوله الله سبحانه وتعالى دان سكاليكوس مغرأولهي رحمة دان ترهيندر دري بلاه بنجان. آمين يا رَبَّ العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا تَسْأَلُكَ رِزْقًا

وَلَنْ يَرْضَىٰكَ وَالْعِصْيَةُ لِلْعُقُوبِ ۝

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيم

{ سورة طه آية: ١٣٢ }

تفسير:

دان قرينتهكنله كلواركمو منديريكن سمبهيغ، دان برصبرله دالم منويكنن. كامي تيدق مپتا رزقي درقدمو بهكن كاميله يغ مغورنياكن رزقي كقدمو دان عقية كسودهن يغ بايك اداله باكي اورغ ٢ يغ برتقوى.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَتَقَنَّا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَاسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَبِمَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَالْجَنَّةُ النَّائِبِينَ.

Berkenan berangkat ke Sambutan Israk dan Mikraj

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara,

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1439 Hijrah; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar serta Ahli-ahli Jawatankuasa lain.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran

Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh johan musabqah Membaca Al-Quran bagi Belia dan Beliawanis Masjid Senegara Tahun 2015, Awang Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abd. Rajid, manakala kesimpulan maknanya disampaikan oleh Pegawai Masjid Kampung Selangan, Temburong, Awang Mahdini bin Khamis.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapannya menyebarkan Sambutan Israk dan Mikraj tahun ini bertema 'Sembahyang Berjemaah Meraih Berkah' yang bermaksud untuk menyampaikan dakwah dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam khususnya golongan belia, yang mana Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui jabatan dan bahagian di bawahnya mengatur program yang berkaitan dengan dakwah dan masjid, iaitu Pameran Program Keagamaan Belia yang diadakan pada majlis tersebut.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut menyebarkan bahawa KHEU bersama Kementerian-kementerian lain juga merencanakan dua majlis iringan, iaitu Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di seluruh masjid, surau dan balai ibadat dengan pengisian utamanya takziah dan membaca Surah Al-Kahfi beramai-ramai dan Karnival Mudahnya Sembahyang yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien pada Program Bandarku Ceria.

Pada majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan titah.

Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Berjemaah Meraih Berkah' disampaikan oleh Pemangku Ra'ees, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Besar.

Majlis turut diserikan dengan persembahan pentas Kisah dan Tauladan dalam Islam daripada Johan Peraduan Mari Bercerita Kisah dan Tauladan dalam Islam, Kumpulan Belia dan Beliawanis dan Kelas Quran dan Kelas Muqaddam, Masjid STKRJ Lambak Kiri.

Doa Selamat dibacakan oleh

PERSEBAHAN pentas Kisah dan Tauladan dalam Islam daripada Johan Peraduan Mari Bercerita Kisah dan Tauladan dalam Islam, Kumpulan Belia dan Beliawanis dan Kelas Quran dan Kelas Muqaddam, Masjid STKRJ Lambak Kiri (kiri sekali), sementara gambar kiri dan kanan, antara yang hadir dalam sama-sama memeriahkan Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani lembaran kenangan pada Pameran Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi.



KEBAWAH DYMM berkenan berangkat pada Pameran Majlis Sambutan Israk dan Mikraj di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



BAGINDA bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama para peserta yang menyertai pameran pada sambutan tersebut (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan menyaksikan pameran yang disertai oleh persatuan-persatuan belia dari empat daerah.



BAGINDA berkenan menyaksikan pertunjukan menyempurnakan jenazah daripada Kumpulan Belia Masjid Daerah Temburong (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan menyaksikan lebih dekat kanak-kanak yang ikut serta pada Pameran Majlis Sambutan Israk dan Mikraj tersebut. Manakala gambar bawah kanan, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh johan musabqah Membaca Al-Quran bagi Belia dan Beliawanis Masjid Senegara Tahun 2015, Awang Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abd. Rajid, manakala kesimpulan maknanya disampaikan oleh Pegawai Masjid Kampung Selangan, Temburong, Awang Mahdini bin Khamis.

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abd. Aziz.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM juga berkenan mengadakan lawatan ke Pameran Program Keagamaan Belia di bawah KHEU yang ditubuhkan bertujuan mengumpulkan para belia

khususnya kumpulan belia untuk bernaung di bawah entiti kementerian berkenaan, membimbing para golongan belia dalam mengendalikan program keagamaan, memantau pergerakan kumpulan-kumpulan belia serta melahirkan belia yang lebih kreatif dalam aktiviti keagamaan. Pameran terdiri daripada

kumpulan-kumpulan belia yang berdaftar di bawah KHEU bagi Tahun 2017 - 2018, berumur dalam lingkungan 15 hingga 40 tahun. Sebanyak 16 petak pameran yang disertai oleh persatuan-persatuan belia dari empat daerah menampilkan pelbagai aktiviti menyerikan lagi majlis berkenaan. Pameran tersebut diadakan

untuk menentang kumpulan-kumpulan belia dan memperkenalkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan belia-belia di seluruh negara khususnya dalam keagamaan dan sebagai pendorong kepada para belia agar lebih bergiat aktif khususnya dalam aktiviti keagamaan serta mendidik belia agar benar-benar berpegang pada ajaran-ajaran Islam.





IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 29/04/18 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 16 APRIL 2018

TARIKH TUTUP: 30 APRIL 2018

1. PEGAWAI PENDIDIKAN PG.3 BAHAGIAN II JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN = LIMA PULUH EMPAT (54)	2. PEMBANTU PERKEBUNAN KANAN C.2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN KEKOSONGAN = SATU (01)
3. PEMBANTU BANDARAN TINGKAT II D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI KEKOSONGAN = DUA (02)	4. JURUTEKNIK D.2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = SATU (01)
5. PEGAWAI LUAR D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI KEKOSONGAN = SATU (01)	6. TUKANG PELAN D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = SATU (01)
7. PEMBANTU PERTANIAN RENDAH D.1-2-3 EB.4-5 BAHAGIAN IV JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN KEKOSONGAN = DUA (02)	8. AHLI BOMBA PELATIH (LELAKI) P.1 EB.2 BAHAGIAN V JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN KEKOSONGAN = ENAM (06)

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:
TALIAN DARUSSALAM 123



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

IKLAN TAWARAN

PROJEK :
DELIVERY AND INSTALLATION
OF TYRES AND PROVISION OF
OTHER RELATED SERVICES
FOR BRUNEI FIRE AND RESCUE
DEPARTMENT
(2 YEARS CONTRACT)

KOD PROJEK :
BFRD / LTK / 01 / 2018 / 2019
TENDER FEE : BND30.00

Syarat-Syarat Tawaran :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada :

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI
JALAN JAMES PEARCE
BANDAR SERI BEGAWAN, BS8610
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

b. Tawaran mestilah dihantar dalam **dua (2) salinan** berserta salinan pendaftaran yang menyenaraikan

butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti **nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, kad pengenalan atau pasport pemilik** sebagai rujukan lembaga.

c. Tarikh tutup tawaran mengikut projek berkenaan adalah seperti berikut ialah pada **Selasa, 15 Mei 2018** tidak lewat jam **2.00 Petang**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

d. Taklimat dan Penerangan (Information Day) bagi projek ini akan diadakan pada **Sabtu, 5 Mei 2018, jam 9.00 Pagi** bertempat di **Bilik Bahagia, Lantai Bawah, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Jalan Landasan Lama Berakas.**

e. Dokumen tawaran bolehlah diperoleh di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei Darussalam.

i. Pembayaran - Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah (*Ground Floor*).

ii. Pengambilan dokumen - Pejabat

Penolong Pengarah Teknikal Tingkat 1 (*1st Floor*).

Pembayaran dan pengambilan dokumen ialah pada hari-hari bekerja sahaja.

f. Pembayaran *tender fee* mengikut projek yang diambil adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan (*not refundable*).

g. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan menyatakan tajuk tawaran dan ada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan serta tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pembekal.

h. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.

i) **Katalog / Gambar Asal peralatan (Compulsory)** yang ditawarkan hendaklah dihadapkan bersama semasa menghadapkan Dokumen Tender, manakala contoh-contoh bolehlah dihadapkan kepada Ketua Logistik dan Perbekalan, Jabatan Bomba dan Penyelamat.



LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **bilangan tawaran** serta **tarikh tutup** tawaran, iaitu tanpa menunjukkan **identiti** pengirim.

3. Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 & 17 dari akta Nama-nama Perniagaan (Business Names Act) dan syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang mempunyai bidang atau kepakaran dalam kerja-kerja pembersihan dalam dan luar bangunan adalah diutamakan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan Sijil Perniagaan (Business names of Enactment Section 16 & 17) atau List of Directors dan salinan kad pengenalan.

5. Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** bertempat di **Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, Jalan Perdana Menteri** dan dialamatkan kepada :

PENGERUSI JAWATANKUASA
MENELITI TAWARAN DAN SEBUT HARGA
JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN

TAJUK :
TO SUPPLY, DELIVERY AND INSTALL
'BIOMETRIC TIME ATTENDANCE SYSTEM'
yang jujur (*bona-fide-tender*).

3. Kadar bayaran dokumen sebut harga
adalah seperti yang ditetapkan dalam
iklan sebut harga.

4. Sebelum mengambil borang, setiap
penender hendaklah membayar borang
dokumen sebut harga di **Tingkat 1, Blok B,**
Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B',
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-
Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan,
Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara
Brunei Darussalam. Sila pastikan resit
pembayaran borang dokumen sebut harga
yang diterima adalah betul.

5. Borang-borang sebut harga boleh
diperoleh di **Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6,**
Unit Tawaran dan Sebut Harga
Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A',
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-
Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Negara Brunei Darussalam dengan
menyertakan resit pembayaran dokumen.

6. Setiap borang sebut harga yang telah diisi
dengan lengkap hendaklah menyertakan
salinan sijil pendaftaran perniagaan dan
salinan resit bayaran dokumen sebut harga.

7. Sebut Harga-sebut harga hendaklah
dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup
rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat
hendaklah ditulis **bilangan sebut harga,**
tajuk sebut harga dan tarikh tutup sebut
harga tanpa menunjukkan identiti penender
dan ditujukan kepada :

Pengerusi, Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-
Perkhidmatan Kementerian Pendidikan
Bangunan Kementerian Pendidikan
Blok 'A' Tingkat 1
Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A'
Lapangan Terbang Lama Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

8. SEBUT HARGA hendaklah dimasukkan
ke dalam Peti Sebut Harga, Unit
Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan
Pentadbiran dan Perkhidmatan-
Perkhidmatan, Blok 'A', Tingkat 1,
Bahagian Kewangan 'A', Bangunan
Kementerian Pendidikan, Lapangan
Terbang Lama Berakas, Negara Brunei
Darussalam.

9. Sebut Harga-sebut harga yang lewat
diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan
akan dikira sebagai sebut harga
tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan
tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
tidak terikat untuk menerima sebut harga
yang paling rendah atau sebarang sebut harga
yang tidak munasabah.

11. Setiap sebut harga yang diisi dan ditulis
dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak
lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penender yang menolak atau
membatalkan sebut harga atau kontrak
setelah kebenaran sebut harga diperoleh atau
setelah tutup sebut harga akan dikenakan
denda selaras dengan peraturan dan
garis pandu yang di berikan oleh Lembaga
Tawaran Negara.



Bahagian Mekanikal,
Jabatan Mekanikal Dan Elektrikal,
Jabatan Kerja Raya,
Negara Brunei Darussalam.



Jabatan Kerja Raya
Negara Brunei Darussalam

NOTIS JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP

PETI TAWARAN TERTUTUP
TINGKAT 1
BLOK PENTADBIRAN
BAHAGIAN MEKANIKAL
JABATAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL
KAMPUNG SINARUBAI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN		TARIKH TERAKHIR MEMBUKAKAN BORANG TAWARAN KE DALAM PETI TAWARAN
TARIKH MULA	TARIKH MELIHAT	
16.04.2018 (HARI ISNIN)	16.04.2018 HINGGA 19.04.2018 PAGI : 9.30 HINGGA 11.30 PETANG : 2.00 HINGGA 4.00	21.04.2018 / PADA ATAU SEBELUM 9.00 PAGI (HARI SABTU)

LOT	KETERANGAN	BANYAK	TEMPAT
1	JENTERA PENGHAWA DINGIN (CARRIER)	2 SETS	BAHAGIAN MEKANIKAL, SINARUBAI
2	JENTERA PENGHAWA DINGIN (CHILLER , AHU DAN CHILLER WATER PUMP) - CARRIER	1 SET	
3	AIR COOLED CHILLER (MCQUAY)	1 SET	
4	CHILLER (YORK)	1 SET	
	AHU (YORK)	1 SET	
5	AIR COOLED CHILLER (CARRIER)	1 SET	
	CHILLER WATER PUMP (MONOFLO)	2 SETS	
	PUMP HAWA DINGIN (MONOFLO)	4 NOS	
6	CHILLER (MCQUAY)	3 SETS	
7	CENTRIFUGAL CHILLER (CARRIER)	1 SET	
	DX UNIT (TRANE)	2 SETS	
	COOLING TOWER (LINER)	1 SET	
8	AIR COOLED CHILLER (YORK)	1 SET	
9	PENGHAWA DINGIN JENIS SPLIT (BERMACAM-MACAM JENIS)	167 UNITS	

LOT	KEBENARAN	RUJUKAN	TARIKH
1 HINGGA 9	Kementerian Kewangan	KKW/ADM/KEM/11	20.03.2018



**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN :
EGNC / PM / 4.1 / 12.2017**

**"Maintenance of Wide Area Network
Infrastructure for E-Government
National Centre"**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. SYARIKAT atau perusahaan yang berminat untuk ikut serta di dalam tawaran ini mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya empat (4) tahun dalam pengendalian projek *Enterprise Network Infrastructure*.
2. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai tawaran ini juga hendaklah memenuhi keperluan kuadran *Highly Specialized* di dalam Dasar Pembangunan Perniagaan Tempatan bagi Industri ICT (Local Business Development, LBD). Maklumat lanjut mengenai dasar ini boleh dilihat melalui laman sesawang www.ei.gov.bn/ICTLBD/Home.aspx
3. Mana-mana syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran yang berjumlah BND500.00 dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk cakera padat berjumlah BND5.00 dari :

**SEKSYEN KEWANGAN
DIVISYEN PENGURUSAN
KEWANGAN
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
SIMPANG 69-18
JALAN E-KERAJAAN
GADONG, BE1110
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

pada setiap Isnin hingga Khamis,

jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi sahaja.

4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :

**BILANGAN TAWARAN :
EGNC / PM / 4.1 / 12.2017
"Maintenance Of Wide Area Network
Infrastructure For E-Government
National Centre"**

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada :

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

tidak lewat dari jam 2.00 petang pada
Selasa, 24 April 2018.

5. Tawaran-tawaran tersebut mestilah dihantar menggunakan borang tawaran yang telah disediakan dengan menyertakan sijil pendaftaran syarikat yang terkini.

6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**(1)
TAWARAN NO. :
JPPK / LTN / 10 / 2018
ONE YEAR TERM CONTRACT
FOR HOUSEKEEPING SERVICE
FOR THE ROYAL BRUNEI
ARMED FORCES AT 3RD
BATALLION, LUMUT CAMP**

**BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**KELAS :
III & KE ATAS**

**KATEGORI :
S02**

**TEMPOH PENYIAPAN :
DUA BELAS (12) BULAN**

**TARIKH AKHIR
MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN:
Jumaat, 27 April 2018
(jam 11.00 Pagi)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
Selasa, 8 Mei 2018
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

**(2)
TAWARAN NO. :
JPPK / LTN / 11 / 2018
ONE YEAR TERM CONTRACT
FOR HOUSEKEEPING SERVICE
FOR THE ROYAL BRUNEI
ARMED FORCES AT
SUNGAI AKAR CAMP**

**BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**KELAS :
III & KE ATAS**

**KATEGORI :
S02**

**TEMPOH PENYIAPAN :
DUA BELAS (12) BULAN**

**TARIKH AKHIR
MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN:
Jumaat, 27 April 2018
(jam 11.00 Pagi)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
Selasa, 8 Mei 2018
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

**(3)
TAWARAN NO. :
JPPK / LTN / 20 / 2017
MAINTENANCE OF GOLF COURSE
AT BERAKAS,
THE ROYAL BRUNEI
ARMED FORCES,
MINISTRY OF DEFENCE**

**BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**KELAS :
III & KE ATAS**

**KATEGORI :
KA04, KPB12 ATAU S03**

**TEMPOH PENYIAPAN :
DUA BELAS (12) BULAN**

**TARIKH AKHIR
MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN:
Jumaat, 20 April 2018
(jam 11.00 Pagi)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
Selasa, 24 April 2018
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

SYARAT SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada tarikh yang dinyatakan pada setiap tawaran di atas.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran seperti mana yang dinyatakan pada setiap tawaran di atas.

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran
hari-hari biasa :**

**Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**

**Waktu bagi mengambil
dokumen-dokumen tawaran :
Isnin dan Selasa
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Mana-mana penender yang berhajat untuk menyertai tawaran ini di saran untuk merujuk maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran seperti yang dinyatakan di atas.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**JUALAN SECARA TAWARAN
AWAM BAGI 2 SET -
PERALATAN / PERKAKAS
PERABOT, JABATAN BELIA DAN
SUKAN, KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN.**

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa JUALAN SECARA TAWARAN AWAM bagi peralatan / perkakas yang telah rosak dan terpakai adalah seperti berikut :

LOT 1

**SENARAI KETERANGAN
PERALATAN / PERKAKAS :
WOODEN SOFA 7 SEATER
WITH COFFEE TABLE**

**JUMLAH PERALATAN :
2 SET**

**LOKASI / TEMPAT MELIHAT :
KOMPLEK SUKAN MUMONG.**

Syarat-syarat Tawaran :

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan.

2. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan yang berminat bolehlah mendapatkan borang tawaran pada **9 April 2018 (Isnin)** bertempat di :

Unit Hasil Tingkat 4

**Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

3. Borang Tawaran dijual (Lot 1) dengan harga **BND5.00 (wang tidak akan dikembalikan)**. Sila bawa bersama kad pengenalan asal sewaktu pembelian borang tawaran.

4. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan bolehlah melihat barang-barang berkenaan **bermula pada 9 April 2018 (Isnin)** hingga **18 April 2018 (Rabu)** semasa waktu pejabat dan bertempat seperti berikut :

**Lot 1 - Komplek Sukan Mumong, Kb.
(Awang Matali bin Sulong /
+673 8181494).**

5. Borang-borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar kepada :

**Jabatan Belia dan Sukan
Peti Tawaran Tingkat 4
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam.**

6. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **18 April 2018 (Rabu), jam 2.00 Petang.**

7. Pembeli yang berjaya akan dihubungi

oleh pihak urusetia dan dikehendaki untuk membayar secara wang tunai dalam masa 24 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam). Jika pembeli yang berjaya gagal menjelaskan pembayaran berkenaan dalam masa yang telah ditetapkan, maka pembeli yang berjaya adalah dikira menarik diri dan dibatalkan. Manakala pembeli yang tidak berjaya akan dimaklumkan kemudian secara rasmi (persuratan), e-mel atau dikirimkan pesanan ringkas melalui SMS / WhatsApp. Untuk makluman lanjut bolehlah menghubungi, Unit Pusat Stor, Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas, atau melalui talian telefon : +673 2380858 / Faksimile : +673 2380858.

8. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

9. Pembeli yang berjaya, tetapi tidak menjelaskan bayaran dalam masa 48 jam setelah dihubungi akan dikenakan tindakan atau disenaraihitamkan mengikut keputusan Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Belia dan Sukan.

10. Pembeli yang berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pembayaran dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian akan dibatalkan (wang tidak akan dikembalikan).

11. Kelewatan memindah peralatan berkenaan dan menyebabkan barang-barang tersebut hilang, tidak akan dipertanggungjawabkan oleh pihak jabatan.

12. Jabatan ini berhak untuk membatalkan atau menangguhkan tawaran.



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**TAWARAN JABATAN
DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**1. SEBUT HARGA :
JDB / 1 / 2018 / MTP (TAPAU)
SEBUT HARGA :
JDB / 1.1 / 2018 / MBF (BUFFET)**

NAMA PROJEK :

**TAWARAN MENYEDIAKAN TAPAU
NASI ATAU MEE DAN AYAM GORENG
BERSERTA AIR MINUMAN BOTOL
KECIL BAGI LATIHAN DAN MAJLIS
KEBERANGKATAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BERCEMAR DULI
DAN RAMAH MESRA DENGAN
RAKYAT DAN PENDUDUK
DAERAH BELAIT**

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat, kedai makan atau restoran yang terdapat di **Daerah Belait** sahaja yang mempunyai lesen perniagaan yang sah.

2. Dokumen tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Belait, Negara Brunei Darussalam** dengan bayaran **BND10.00** (Ringgit : Sepuluh Sahaja) bagi tawaran **SEBUT HARGA JDB / 1 / 2018 / MTP dan JDB / 1.1 / 2018 / MBF** secara tunai bagi setiap satu dokumen tawaran dan pentadbiran (**tidak dikembalikan**).

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyertakan nama dan bilangan tawaran, tarikh tutup dan kepada yang ditujukan tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dan dokumen tawaran.

4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti di bawah :

**Peti Tawaran
Tingkat 1
Jabatan Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam**

**Tidak lewat Selasa, 8 Mei 2018
jam 2.00 Petang.**

5. Tawaran mestilah disertakan bersama dengan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan sijil peniagaan (Business Enactment Act Section 16 & 17) dan salinan lesen untuk menjalankan perniagaan agensi pengawal keselamatan.

**2. SEBUT HARGA :
JDB / 2 / 2018 / MAKANAN BUFFET**

NAMA PROJEK :

**TAWARAN MENYEDIAKAN
MAKANAN SECARA BUFFET BAGI
MAJLIS KEBERANGKATAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM BERCEMAR
DULI DAN RAMAH MESRA DENGAN
RAKYAT DAN PENDUDUK
DAERAH BELAIT**

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

6. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat, kedai makan atau restoran yang terdapat di **Daerah Belait** sahaja yang mempunyai lesen perniagaan yang sah.

7. Dokumen tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Belait, Negara Brunei Darussalam** dengan bayaran **BND10.00** (Ringgit : Sepuluh Sahaja) bagi tawaran **SEBUT HARGA JDB / 2 / 2018 / MAKANAN BUFFET** secara tunai bagi setiap satu dokumen tawaran dan pentadbiran (**tidak dikembalikan**).

8. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyertakan nama dan bilangan tawaran, tarikh tutup dan kepada yang ditujukan tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dan dokumen tawaran.

9. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti di bawah :

**Peti Tawaran
Tingkat 1
Jabatan Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam**

**Tidak lewat Selasa, 8 Mei 2018
jam 2.00 Petang.**

10. Tawaran mestilah disertakan bersama dengan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan sijil peniagaan (Business Enactment Act Section 16 & 17) dan salinan lesen untuk menjalankan perniagaan agensi pengawal keselamatan.

**3. SEBUT HARGA :
JDB / 3 / 2018 / P.A SYSTEM (PADANG)
SEBUT HARGA :
JDB / 3.T / 2018 / P.A SYSTEM
(MALAM)**

NAMA PROJEK :

**TAWARAN MENYEDIAKAN PA
SYSTEM (PADANG DAN MALAM)
BAGI LATIHAN DAN MAJLIS**

**KEBERANGKATAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BERCEMAR DULI
DAN RAMAH MESRA DENGAN
RAKYAT DAN PENDUDUK
DAERAH BELAIT**

Tawaran-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berkebolehan dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah dan Sijil Pendaftaran Kementerian Pembangunan.

Dokumen tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Belait, Negara Brunei Darussalam** dengan bayaran **BND10.00** (Ringgit : Sepuluh sahaja) secara tunai bagi setiap satu dokumen tawaran dan pentadbiran (**tidak dikembalikan**).

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan nama dan bilangan tawaran, tarikh tutup dan kepada yang ditujukan tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti di bawah :

**Peti Tawaran
Tingkat 1
Jabatan Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam**

**Tidak lewat Selasa, 8 Mei 2018
jam 2.00 Petang.**

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.

**4. SEBUT HARGA :
JDB / 4.0 / 2018 / PKB /
PADANG KECIL BANDARAN
SEBUT HARGA :
JDB / 4.1 / 2018 / LKM /
LETAK KERETA MASJID
SEBUT HARGA :
JDB / 4.2 / 2018 /
DEPAN DEWAN SANTAP
SEBUT HARGA :
JDB / 4.3 / 2018 / LKKPN /
LETAK KERETA KEDIAMAN RASMI
PEGAWAI DAERAH
SEBUT HARGA :
JDB / 4.4 / 2018 / BDS /
BUNGA DALAM DEWAN SANTAP DAN
BUNGA PENTAS DIRAJA (BPD)**

NAMA PROJEK :

**MEMBEKAL DAN MEMASANG KEM
DAN PERHIASAN BUNGA BAGI
MAJLIS KEBERANGKATAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM BERCEMAR
DULI DAN RAMAH MESRA DENGAN
RAKYAT DAN PENDUDUK
DAERAH BELAIT**

Tawaran-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berkebolehan dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah dan Sijil Pendaftaran Kementerian Pembangunan.

Dokumen tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Belait, Negara Brunei Darussalam** dengan bayaran **BND10.00** (Ringgit : Sepuluh sahaja) secara tunai bagi setiap satu dokumen tawaran dan pentadbiran (**tidak dikembalikan**).

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan nama dan bilangan

tawaran, tarikh tutup dan kepada yang ditujukan tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti di bawah :

**Peti Tawaran
Tingkat 1
Jabatan Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam**

**Tidak lewat Selasa, 8 Mei 2018
jam 2.00 Petang.**

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.

**5. SEBUT HARGA :
JDB / 5.0 / 2018 / PENTAS DIRAJA
SEBUT HARGA :
JDB / 5.1 / 2018 / KMRM
SEBUT HARGA :
JDB / 5.2 / 2018 / HIASAN PADANG
SEBUT HARGA :
JDB / 5.3 / 2018 /
PENTAS PERSEMBAHAN
SEBUT HARGA :
JDB / 5.4 / 2018 /
KELENGKAPAN PADANG
SEBUT HARGA : JDB / 5.5 / 2018 / DS
SEBUT HARGA : JDB / 5.6 / 2018 / LS
SEBUT HARGA : JDB / 5.7 / 2018 / BPM**

NAMA PROJEK :

**TAWARAN MEMBEKAL DAN
MEMASANG KEM PADANG
BANDARAN DAN PENTAS DIRAJA
BAGI MAJLIS KEBERANGKATAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM BERCEMAR
DULI DAN RAMAH MESRA DENGAN
RAKYAT DAN PENDUDUK
DAERAH BELAIT.**

Tawaran-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berkebolehan dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah dan Sijil Pendaftaran Kementerian Pembangunan.

Dokumen tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Belait, Negara Brunei Darussalam** dengan bayaran **BND10.00** (Ringgit : Sepuluh sahaja) secara tunai bagi setiap satu dokumen tawaran dan pentadbiran (**tidak dikembalikan**).

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan nama dan bilangan tawaran, tarikh tutup dan kepada yang ditujukan tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti di bawah :

**Peti Tawaran
Tingkat 1
Jabatan Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam**

**Tidak lewat Selasa, 24 April 2018
jam 2.00 Petang.**

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / BPH / 010 / 2018**

**Tajuk Tawaran :
SUPPLY AND DELIVERY OF STS
SPLIT CONFIGURATION PLC /
WIRELESS KEYPAD THREE PHASE
PREPAYMENT METERS**

**Tarikh Tutup :
23 APRIL 2018
(ISNIN, 2.00 PETANG)**

**Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)**

**Tempat Tutup :
'PETI TAWARAN'
LEMBAGA TAWARAN NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN
PETI TAWARAN, TINGKAT 1
JALAN MENTERI BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Kelayakan : PEMBEKAL YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BAGI KATEGORI : P05
KELAS : I, II, III, IV ATAU V**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi di **Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.**

Perhatian :
Sila bawa salinan sijil pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen di Kaunter Unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan, Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Islam : Teras pembangunan di Brunei Darussalam

SIRI : III

3.3. Falsafah Negara

SEBAGAIMANA kita maklum setengah negara di rantau ini mempunyai rukun negaranya sendiri, maka demikian juga Brunei. Di Brunei ia dikenali sebagai falsafah negara. Falsafah ini merupakan satu ungkapan yang mengandungi tiga komponen iaitu 'Melayu Islam Beraja' yang inti patinya telah pun termaktub dalam Perlembagaan dan Permasyhuran Kemerdekaan. Ia dianggap sebagai falsafah kerana ketiga-tiga komponen ini sudah diuji oleh zaman mengenai kewibawaan, ketahanan dan kebenarannya. Falsafah ini wujud sejak Brunei menerima Islam atau sejak munculnya Kesultanan Brunei. Sejak itu Brunei telah dikenali sebagai sebuah negara Melayu, sebagai sebuah negara Islam dan sebagai sebuah negara kesultanan. Ketiga-tiga konsep ini saling berkait antara satu sama lain dengan Islam menjadi terasnya. Ini bermakna ajaran Islam tetap menjadi pegangan dengan rujukan utamanya Al-Quran dan Al-Sunnah. Oleh itu, apa-apa jua bentuk pembangunan yang bercanggah dengan Islam dengan sendirinya akan tertolak.

Jelasnya, pihak pengurus atau pentadbir negara akan sentiasa menilai sama ada sesuatu perancangan pembangunan itu bertentangan dengan ajaran Islam atau sebaliknya. Maka jika bertentangan, suatu perancangan pembangunan itu tidak akan dijalankan. Oleh kerana itu sebagai contoh tempat perjudian, tempat-tempat maksiat, penjualan arak dan sebagainya walaupun boleh mendatangkan hasil yang lumayan kepada negara ini, tetapi kerana ianya bercanggah dengan ajaran Islam, maka pembangunan yang sedemikian tidak dibenarkan di Brunei.

4. Institusi Islam

Di Brunei, Sultan merupakan satu-satunya kuasa tertinggi yang memerintah negara, di samping juga menjadi Ketua Agama. Ini telah membolehkan institusi-institusi agama yang ditubuhkan berperanan dengan baik, bukan sahaja dalam hal mengembangkan ajaran Islam, malah juga mengawal pengurusan



BANGUNAN Jabatan Mufti Kerajaan Darulifta' Brunei Darussalam, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan (atas dan bawah).

Oleh : Pg. Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad
Pg. Haji Abd. Rahman dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei

pembangunan dalam segala bidang termasuk perkara-perkara umum yang berbentuk keduniaan dan fizikal agar selari atau tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Sebagai misal, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) (ditubuhkan pada tahun 1955) merupakan satu-satunya badan tertinggi yang berkuasa terhadap hal ehwal agama Islam di Brunei. Badan ini berfungsi sebagai penasihat kepada Sultan dalam apa jua hal ehwal keagamaan. Suatu keputusan yang telah diambil oleh badan ini akan disampaikan kepada sultan. Hanya setelah mendapat perkenan baginda barulah ia dapat

dilaksanakan. Pihak yang melaksanakan keputusan tersebut ialah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang ditubuhkan pada tahun 1986 (sebelumnya dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Ugama (JHEU) yang ditubuhkan pada tahun 1955). Kementerian ini mempunyai beberapa institusi lagi di bawahnya seperti Pusat Da'wah Islamiah, Baitul-Mal, Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Urusan Haji, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan lain-lain.

Sebuah lagi institusi keagamaan yang penting ialah Jabatan Mufti Kerajaan. Jabatan ini diketuai oleh seorang Mufti Kerajaan yang bertanggungjawab mengeluarkan Irsyad Hukum dan fatwa-fatwa yang menjadi rujukan dan dilaksanakan oleh semua pihak yang berkenaan dalam negara. Sebelum tahun 1994 jabatan ini berada di bawah pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama, bagaimanapun selepas itu (pada 7 November, 1994) ia telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Di Brunei, Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan adalah berwajib dan sering diambil perhatian dan diambil tindakan yang bersesuaian. Adanya institusi ini telah menyelamatkan masyarakat Islam Brunei dari sebarang perbalahan sesama sendiri dalam soal hukum-hukum.

Beberapa institusi Islam lain telah dibangunkan dari semasa ke semasa. Misalnya dalam bidang pendidikan, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada tahun 1972 yang berfungsi untuk mengeluarkan guru-guru agama dari kalangan anak tempatan. Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah ditubuhkan pada tahun 1993 bertujuan untuk mengeluarkan Hafiz-Hafiz Al-Quran tempatan (lelaki dan perempuan). Sementara untuk memperoleh cendekiawan Islam yang mendalam pengetahuan agama Islamnya dengan menggunakan bahasa Arab,

salurannya ialah melalui Sekolah Arab yang ditubuhkan pada tahun 1966 dikenali dengan nama Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah diikuti dengan penubuhan Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (1967) dan Ma'had Islam Brunei, Tutong, (1989).

Pengajian Islam ini pula terus dipertingkatkan pencapaian dan mutunya dengan penubuhan Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam (IPIBD) (1988) dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam (UBD) (1993), kedua-dua institusi pengajian tinggi Islam tersebut telah dicantumkan pada tahun 1999 yang dikenali dengan nama baharunya Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, UBD (IPI SHOAS) yang berfungsi mengeluarkan ijazah pertama dan ijazah lanjutan dalam bidang ilmu-ilmu agama dan bahasa Arab.

Selain itu, Brunei juga memperlihatkan kemahuan dan minat yang besar terhadap pembangunan sistem kewangan Islam. Oleh kerana itu, tertubuhlah Tabung Amanah Islam Brunei Berhad (TAIB) pada tahun 1991, Bank Islam Brunei Berhad (IBB) pada tahun 1993 dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) pada tahun 2000, bank-bank tersebut dicantumkan menjadi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) pada Februari, 2006.

Sebuah lagi institusi yang memberikan perhatian besar terhadap penyerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran ialah Institut Perkhidmatan Awam. Institut ini telah banyak memberi latihan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dari peringkat rendah hingga peringkat tinggi untuk menyemai nilai-nilai luhur dalam pentadbiran Islam. Pakar-pakar dari dalam dan luar negara telah didatangkan untuk menjayakan projek tersebut. Kesannya ialah tumbuhnya kesedaran untuk mengadakan pelbagai aktiviti keagamaan di setiap jabatan dan kementerian di samping mempraktikkan dasar-dasar Islam atau etika Islam dalam bidang pentadbiran dan pengurusan.



Ashabul Haliim adakan Forum Membina Keluarga Sakinah



AHLI-AHLI panel terdiri daripada Pengasas Bersama Al Minhaaj Centre, Awang Hilman bin Haji Salim dan Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak serta Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunung.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 April. - Dalam usaha untuk memberikan pendedahan cara hidup berkeluarga menurut Islam, Belia Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Ashabul Haliim mengadakan Forum Membina Keluarga Sakinah (Siri 1) : Road to Jannah yang berlangsung di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku / Katok, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Katok 'A', Tungku Kawasan 3, Mukim Gadong 'A', Awang Haji Adnan bin Haji Bagol.

Forum dipengerusikan oleh Ketua Unit Belia, Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yusli bin Haji Ashli.

Manakala ahli-ahli panel terdiri daripada Pengasas Bersama Al Minhaaj Centre, Awang Hilman

bin Haji Salim dan Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak serta Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunung yang antara lain mengongsikan tips untuk mengekalkan keharmonian rumah tangga.

Majlis antara lain bertujuan untuk menjadikan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh dan tauladan yang terbaik dalam mendidik keluarga menurut Islam dengan pengongsian daripada ahli-ahli panel.

Riadah erat tali kekeluargaan



AWANG Haji Abd. Razak bin Bendahari Haji Ghafar, selaku wakil Keluarga Bendahari Haji Ghafar menyempurnakan penyampaian hadiah kepada salah seorang pemenang peraduan memancing.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Lamin Warisan

TUTONG, Sabtu, 14 April. - Lebih 80 orang menyertai Riadah Bersama Keluarga Lamin Warisan yang diadakan di Kampung Tanjong Maya bermula pagi hingga petang.

Riadah kali kedua diadakan itu merupakan anjuran bersama keluarga Bendahari Haji Abd. Gahafar bin Haji Saidi dengan Ahli Jawatankuasa Lamin Warisan.

Bagi memeriahkan riadah berkenaan, Peraduan Memancing merupakan tarikan utama

riadah tersebut yang mempertandingkan tiga kategori, iaitu Kategori Dewasa, Veteran dan Kanak-Kanak.

Di samping itu, aktiviti seperti mewarna, melukis dan jualan juga turut diadakan.

Antara lain tujuan riadah tersebut bagi mengeratkan lagi tali kekeluargaan, sanak saudara serta sahabat handai yang berminat memancing memandangkan pada masa ini adalah musim udang.



LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

BERIKUT ADALAH TAJUK-TAJUK RUANG LENSEA :

Tajuk-tajuk akan datang:

- 1) 'Peralatan Untuk Melukis' - Tarikh Tutup : 28 April 2018
- 2) 'Sukarelawan' - Tarikh Tutup : 12 Mei 2018
- 3) 'Sukan dan Riadah' - Tarikh tutup 28 Mei 2018

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



Tajuk: 'Pantai'

Keterangan gambar: Negara Brunei Darussalam memiliki pantai yang sangat indah dan ombak yang bagus bagi sukan luncur air terutama peluncur air asing yang terdiri dari pelancong.

Kamera : Canon EOS 750D (DSLR), ISO:100, focal length: 29mm, Aperture f/5.6, shutter speed 1/200 sec.

Nama pemenang : Shariza Rodzimah binti Silau (01-050631)

Alamat: No.9, Kg. Kiudang, Jln. Mungkom, Tutong, TE1543, Negara Brunei Darussalam.

Sukan

INFO SUKAN

FUTSAL dimainkan oleh lima pemain dalam satu pasukan. Salah seorang daripadanya merupakan penjaga gol. Antara perbezaan bola sepak dengan futsal ialah padang bola sepak menggunakan gelanggang yang besar berbanding futsal yang agak kecil. Masa permainan futsal juga singkat, iaitu 20 minit bagi setiap separuh masa. Bola yang digunakan juga lebih berat membuatkan pemain mengawal bola dengan baik.



ePaper Pelita Brunei

Persekutuan Judo Kebangsaan NBD diraikan



BERAKAS, Ahad, 15 April. - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato mengadakan Majlis Makan Malam sempena meraikan Pelancaran Persekutuan Judo Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Hadir pada majlis yang

DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Makan Malam sempena meraikan Pelancaran Persekutuan Judo Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Azmah Haji Ahad

berlangsung di Hotel Mulia, Kampung Anggerek Desa tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Awang Haji Zakaria dan Presiden Institut Kodokan Jepun, Mr. Haruki Uemura.

Terdahulu, TYT Motohiko Kato dalam ucapan alu-aluannya, antara lain menyatakan bahawa

program pertukaran sukan di antara Brunei dan Jepun adalah sangat penting dan bernilai bagi Kedutaan Jepun.

Pada tahun 2020 akan datang, Jepun akan menjadi tuan rumah bagi Summer Olympic and Paralympic Games di Tokyo, Jepun.

Oleh itu, TYT berharap akan lebih ramai lagi warga di negara ini untuk menikmati Judo, di samping mengetahui prinsip falsafahnya.

Pupuk kesedaran amalan gaya hidup sihat



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haii Abdul Manap bin Othman hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan acara berbasikal sejauh 115 kilometer di kawasan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin pada Sambutan Hari Antarabangsa Kegiatan Fizikal 2018 (kiri). Sementara gambar kanan, Awang Haii Abdul Manap ketika ikut serta dalam acara pemanasan badan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 April. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memperkenalkan Hari Antarabangsa Kegiatan Fizikal yang disambut pada 6 April setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai faedah dan pentingnya amalan melakukan kegiatan fizikal.

Bagi menyahut saranan itu, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan, dengan kerjasama dari Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama-sama Syarikat Fitness Zone hari ini mengadakan Sambutan Hari Antarabangsa Kegiatan Fizikal 2018 dengan tema 'Be Active Everyday' (Aktif lah Setiap Hari) di Taman Haji Sir Muda Omar

'Ali Saifuddin.

Antara aktiviti yang diadakan termasuk walkaton sejauh 3.5 kilometer dan acara berbasikal sejauh 115 kilometer di kawasan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Turut diadakan ialah acara penyampaian plak penghargaan kepada instruktur dan pusat-pusat kecergasan (*fitness studio*) yang bersama-sama menyumbangkan tenaga mereka dalam program-program kesihatan seperti Program Mukim Sihat, senamrobik di Pusat Promosi Kesihatan, Bandarku Ceria dan lain-lain.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan plak penghargaan ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haii Abdul Manap bin

Othman yang juga turut menyertai aktiviti walkaton.

Bagi menyelaraskan lagi tema Aktif Lah Setiap Hari, satu 'Call-for-action' telah dibuat khusus bagi tempat-tempat kerja agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan yang bertujuan untuk mengurangkan aktiviti duduk berpanjangan atau *prolonged sitting* di tempat kerja dengan mengadakan beberapa aktiviti yang boleh meningkatkan tahap kegiatan fizikal di tempat kerja.

'Call-for-action' ini akan berlangsung sepanjang Minggu Aktif Brunei atau 'Brunei Activation Week' yang akan diadakan mulai 16 April hingga 28 April 2018.

Kementerian Kesihatan mengalu-alukan semua pihak berkepentingan dan orang ramai di

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

tempat kerja supaya akan dapat mewujudkan atau mengukuhkan dasar Tempat Kerja Sihat, yang mempromosi kegiatan fizikal serta menyediakan atau memastikan infrastruktur yang kondusif untuk melakukan kegiatan fizikal seperti tangga pejabat yang selamat dan mudah diakses selain meningkatkan kesedaran mengenai kegiatan fizikal dan menggalakkan kegiatan fizikal dalam kalangan pekerja.

Dengan adanya pendekatan seperti ini, Kementerian Kesihatan berharap agar orang ramai serta agensi-agensi Kerajaan dan swasta dan juga mereka yang berkepentingan termasuklah

pusat-pusat kecergasan akan sama-sama mengambil inisiatif untuk membantu pihak Kementerian mengurangkan kadar obesiti dan meningkatkan kesedaran amalan gaya hidup sihat untuk meningkatkan kualiti kehidupan di negara ini.

Bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Antarabangsa Kegiatan Fizikal tersebut, mana-mana aktiviti yang diadakan di setiap jabatan atau syarikat boleh dimuat naik ke Facebook Pusat Promosi Kesihatan di *Health Promotion Centre* atau instagram *@hpcBrunei* dan mengikuti cabaran *#CAPAI30workplace*.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN AZAM, REBUT PAHALA SEMBAHYANG BERJEMAAH

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.